

MAJALAH TA'LIF

BILANGAN 10 | MEI 2020 | RAMADAN-SYAWAL 1441H

تَالِف

- Kempen “BUY MUSLIM FIRST”
Memperkasakan Ekonomi Ummah
- Pendekatan Humanistik
Dalam Pembelajaran Bahasa Arab
- Tulisan Jawi Manifestasi Makna
Masyarakat Majmuk Universal
- Tahukah Anda : Mitos Mengenai Kaunseling
- Skim Dana KWSP
Bukan Jaminan Persaraan Yang Selesa
- Tahukah Anda : Tentang 5G
- Keibubapaaen Digital
- Penyelesaian Pertikaiān Secara Alternatif
(Alternative Dispute Resolution (ADR))
- Otak
- Ghostwriter
- Kenali 4 Jenis Televisyen
- 5 Tips Menjadi Pengacara Televisyen
- Tips Menjadi Influencer Di Media Sosial
- 4 Common Content Marketing Formats
Used By Businesses
- Telinga Bionik





Sidang REDAKSI

Penaung

Prof. Madya Dr. Haji Mohd Zawawi
bin Zainal Abidin
Rektor

Kolej Universiti Islam Pahang
Sultan Ahmad Shah

Penasihat

Dr. Haji Ahmad Effat bin Mokhtar
Timbalan Rektor Penyelidikan & Inovasi

Ketua Jabatan Penerbitan

Maslina binti Mohamed

Editor

Dr. Mohammad Zulfakhairi Bin Mokthar
Nurul Habibah binti Abdul Rahman
Farahiyah binti Abd. Jalil
Maslina binti Mohamed
Mohd Jaffri bin Abdul Rani
Norfadelah binti Nordin
Nur Aulia Fahada binti Misardin
Mohd Yusrizal bin Mohd Yunus
Norillah binti Abdullah Hassim
Muhamad Fairuz bin Ali

Reka Bentuk

Nurhan Esmady bin Ismail

Diterbitkan Oleh

Jabatan Penerbitan

Bahagian Penyelidikan & Inovasi (BPI)

Kolej Universiti Islam Pahang
Sultan Ahmad Shah (KUIPSAS)
KM 8, Jalan Gambang, 25150 Kuantan,
Pahang Darul Makmur.
Tel : 09 553 5353 | Faks : 09 536 4421
www.kuipsas.edu.my

Sebarang pertanyaan, maklum balas
dan penambahbaikan majalah ini
boleh diajukan kepada

**Jabatan Penerbitan,
Bahagian Penyelidikan
dan Inovasi (BPI) KUIPSAS**
di talian **09 553 5555@5545**

Dari Meja KETUA EDITOR

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan berkat dan izin-Nya Majalah Ta'lif bilangan ke-10 ini berjaya diterbitkan. Tema penulisan bagi penerbitan majalah al-Ta'lif kali ini ialah "**Tahukah anda.....?**". Pemilihan tema ini adalah untuk memberi kebebasan kepada penulis berkongsi ilmu yang mungkin menjadi satu ilmu baharu kepada pembaca. Tidak terikat dengan satu skop atau bidang sahaja, tema kali ini adalah lebih terbuka dan berbentuk informasi yang tidak diketahui ramai dengan hasrat dapat membuka mata pembaca tentang isu-isu serta ilmu yang mungkin belum pernah diketahui sebelum ini.

Sebanyak 15 artikel yang telah disumbangkan oleh penulis berkaitan ekonomi, psikologi, undang-undang, agama, sains, teknologi, sosial dan sebagainya. Semoga artikel yang dikongsi kali ini sedikit sebanyak dapat menambah pengetahuan dan membuka minda pembaca dalam mencari informasi-informasi terkini yang sentiasa disokong oleh fakta serta sumber yang sahih. Selamat membaca.

Nurul Habibah bt Abdul Rahman





Kempen “BUY MUSLIM FIRST,” Memperkasakan Ekonomi Ummah

Disediakan oleh :

Nur Liana ‘Aqilah binti Derus

Pensyarah Fakulti Pengajian Pengurusan, KUIPSAS

Gerakan kempen '**Buy Muslim First**' hangat diperkatakan dan mula dicetuskan di laman media massa. Majoriti Muslim di Malaysia dilihat mula bersatu padu menyokong sepenuhnya kempen mengutamakan barang buatan Muslim dalam pembelian barang-barang keperluan asasi. Masyarakat sewajarnya melihat bahawa gerakan ini bukanlah sesuatu yang mencetuskan diskriminasi mahupun memboikot barang buatan bukan Muslim. Namun gerakan kempen ini hanyalah sebagai tanda sokongan dengan mengutamakan barang keluaran Muslim. Kempen ini menggalakkan pembelian '**Buy Muslim First**' dan bukannya '**Buy Muslim Only**' maka tidak sewajarnya ia dijadikan isu perbalahan kaum. Kempen ini juga dilihat dapat menyokong gerakan jihad ekonomi dalam kalangan Muslim sekali gus memperkasa ekonomi ummah. dijalankan. Tahu kah anda apa manfaat dan cabaran yang mungkin wujud hasil daripada kempen ini? Persoalannya, sejauh mana keberkesanan kempen ini di Malaysia?

Rantaian Ekonomi Umat Islam

Dari sudut ekonomi, sesebuah pasaran akan menjadi lebih utuh dengan adanya keseimbangan antara kuasa permintaan dan penawaran. Dengan tercetusnya kempen '**Buy Muslim First**' dapat meningkatkan lagi permintaan terhadap barang buatan Muslim. Dianggarkan seramai

60% dari penduduk Malaysia adalah beragama Islam. Justeru itu, berlakunya peningkatan permintaan selari dengan sokongan terhadap gerakan mengutamakan produk Muslim sekali gus menepati tujuan kempen ini diadakan. Jihad ekonomi ini mampu mengukuhkan 'supply chain' masyarakat Muslim dari pihak pengeluar, pengilang, pembekal, pemborong, peruncit serta peniaga dalam kalangan Muslim.

Pegangan rantaian pembekalan barang dalam kalangan Muslim di Malaysia masih lagi lemah. Umat Islam tidak menguasai kuasa ekonomi sepenuhnya terutama membabitkan proses pengeluaran dan pembekalan. Hal ini demikian kerana kuasa ekonomi di Malaysia dikuasai oleh kaum bukan Muslim. Secara tuntas, usaha memperkasakan ekonomi umat Islam perlu dilakukan sehingga ke akar umbi. Gerakan ini mampu melahirkan lebih ramai lagi usahawan-usahawan dalam kalangan Muslim.

Perkasa Ekonomi Ummah

Konsep ta'awun atau tolong-menolong dalam gerakan kempen '**Buy Muslim First**' mampu memperkasakan ekonomi ummah jika mendapat sokongan padu dari Muslim itu sendiri. Bahkan ia juga dapat memperkuatkan ekonomi umat Islam dengan memastikan rantaian produk Muslim bersumberkan yang halal dan bersih.

Aliran pendapatan dalam kalangan umat Islam turut akan meningkat. Pengeluaran sesuatu produk secara tidak langsung akan merangsang peningkatan terhadap barang buatan Muslim atau bumiputera. Aliran pendapatan ini akan dikembalikan semula kepada ummah melalui mekanisme zakat di baitulmal. Agihan wang zakat turut akan meningkat sekali gus lebih ramai golongan asnaf dapat dibantu. Impaknya, pengagihan dapat dilakukan secara lebih meluas.

Selain itu, semua pihak perlu menggembungkan tenaga untuk terus menguasai lebih banyak kuasa ekonomi bukan sahaja dalam bidang pengedaran dan peruncitan namun berjuang untuk menguasai rantaian pembekalan dan pengeluaran. Hal ini mampu meningkatkan lagi peluang pekerjaan dalam kalangan ummah. Diskriminasi dalam peluang pekerjaan sering dipersoalkan terutama pihak majikan secara terang meletakkan syarat penguasaan bahasa mandarin sebagai syarat wajib untuk memohon pekerjaan. Umat Islam di Malaysia dilihat ditindas walaupun berada di dalam negara sendiri. Justeru itu, menjadi kewajipan umat Islam untuk berjuang menguasai kuasa ekonomi kerana sesuatu bangsa itu akan berjaya jika ia dapat menguasai kuasa ekonomi.

Demi menjamin kemaslahatan umat, usaha memperkasa ekonomi ummah ini perlu diberi nafas dan strategi baharu. Kempen mengutamakan keluaran Muslim mampu meningkatkan permintaan namun sejauh mana ia akan berkesan dan diteruskan. Justeru itu, sokongan penuh mampu melahirkan lebih ramai jutawan dalam kalangan umat Islam. Namun demikian suatu kaedah pemasaran perlu dilaksanakan lebih cekap bagi mengangkat dan mempromosikan barang dan produk keluaran Muslim agar saluran pengedaran dapat diperluaskan.

Persaingan Harga

Rantaian bekalan yang dikuasai oleh kaum bukan Muslim menyukarkan kaum Muslim untuk bersaing dari sudut harga. Cabaran untuk bersaing dari sudut harga, pemasaran serta pembekalan menyukarkan agihan dan pengeluaran barang keluaran Muslim dipasarkan. Malah, harga yang dipasarkan jauh lebih tinggi dan sukar untuk bersaing dengan keluaran lain.

Proses pengeluaran dan pembekalan bahan-bahan mentah turut sukar diperoleh pada harga murah. Justeru itu sewajarnya sebagai umat Islam kita terus berjihad memperluaskan ekonomi dengan melahirkan lebih

ramai usahawan Muslim serta meneroka bidang pengeluaran bahan mentah agar rantai pembekalan dapat dikuasai sekali gus memastikan keluaran halal, bersih dan mematuhi syarak dapat dikeluarkan. Kelemahan dalam pasaran ekonomi dapat diatasi dengan meningkatkan permintaan. Permintaan yang meningkat akan membuka lebih banyak ruang penawaran dari pengedar keluaran Muslim. Keuntungan yang melipat kali ganda hasil sokongan padu umat Islam di Malaysia mampu membantu mewujudkan lebih banyak pasar raya dan kilang keluaran milik Muslim. Oleh yang demikian proses rantaian pembekalan dari perkilangan sehingga penjualan kepada pengguna dapat dikuasai oleh Muslim sekali gus dapat memperoleh harga lebih murah.

Kesimpulannya, semua pihak perlu menggembungkan tenaga dan mencari strategi untuk terus memperkuuhkan saluran pengedaran serta memasarkan barang keluaran Muslim. Keberkesanan kempen ini dapat dijayakan jika mendapatkan sokongan padu umat Islam untuk terus mengutamakan pembelian barang buatan Muslim. Namun demikian kempen ini mungkin berkesan dalam tempoh pendek. Maka, sewajarnya semua pihak mencari alternatif untuk memperkuuhkan ekonomi ummah supaya sokongan terhadap barang keluaran Muslim dilakukan secara berterusan dan bukan sekadar 'hangat-hangat tahi ayam'. Usaha memperkasakan ekonomi umat Islam perlu dilakukan dengan pendedahan ilmu dan strategi tepat. **تألیف**



Pendekatan Humanistik Dalam Pembelajaran Bahasa Arab

Disediakan oleh :

Seriayuna binti Sa'don Zubir

Pensyarah Fakulti Pengajian Islam, KUIPSAS

Humanisme" menurut Gopal (2014) adalah pendirian falsafah dan etika yang menekankan nilai manusia dalam fenomena duniawi, secara individu atau dalam kumpulan, dan pada umumnya bergantung kepada pemikiran rasional dan menyokongnya daripada sistem kepercayaan yang mantap. Secara amnya, humanisme merujuk kepada ideologi atau aliran pemikiran yang berkisar mengenai beberapa "sifat manusia". Manakala bahasa Arab adalah sebuah bahasa Semitik yang muncul dari sebuah daerah yang kini termasuk dalam wilayah Arab Saudi. Bahasa ini adalah sebuah bahasa yang terbesar dari segi jumlah penutur dalam keluarga bahasa Semitik serta termasuk dalam kerabat yang hampir dengan bahasa Ibrani. Bahasa Arab moden telah dikelasifikasikan sebagai satu makrobahasa dengan 27 sub-bahasa dalam ISO 639-3. Berdasarkan definisi yang dikemukakan oleh Syeikh al-Ghulayayni dan Ahmad al-Hasyimi, Robiatul (2011) menyimpulkan bahawa bahasa Arab adalah alat yang berbentuk huruf hijaiyyah yang digunakan oleh orang Arab dalam berkomunikasi

dan berinteraksi sosial baik secara lisan maupun tulisan. Manakala pembelajaran bahasa Arab menurut Maimunah (2016) adalah proses untuk membantu pelajar agar dapat belajar kata-kata yang disusun dan digunakan oleh orang-orang Arab untuk mengungkapkan tujuan-tujuan mereka.

Bahasa Arab memiliki nilai komersial yang tinggi dan berdaya saing serta mampu menandingi bahasa dunia yang lain seperti bahasa Inggeris, Perancis dan sebagainya. Nilai ekonomi yang terdapat pada bahasa Arab membolehkannya diiktiraf sebagai salah satu bahasa utama dan terpenting di dunia serta telah menarik ramai orang untuk mempelajarinya. Oleh kerana kepentingannya, pelbagai kajian telah dijalankan bagi memantapkan proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di peringkat institusi pendidikan di Malaysia (Shahrizal et.al, 2015). Selain itu, bahasa Arab turut mempunyai karakteristik dan tahap kesulitan tersendiri. Hal ini memerlukan guru untuk memiliki kelayakan, kemahiran, kreativiti dan kesabaran



yang tinggi. Material yang sulit akan mampu diterima oleh pelajar jika disokong oleh pendekatan yang tepat. Justeru itu, pembelajaran bahasa Arab memerlukan kepada pendekatan yang efektif seperti pendekatan humanistik. Pendekatan humanistik dalam pembelajaran menurut Uci (2013) merupakan pembelajaran yang mengarah pada proses memanusiakan manusia. Baharuddin dan Moh. Makin (2007) dalam Uci (2013) menegaskan bahawa pendidikan yang memanusiakan manusia adalah proses membimbing, mengembangkan dan mengarahkan potensi dasar manusia baik jasmani maupun rohani secara seimbang dengan menghormati nilai humanistik yang lain.

Stevick (1990) dalam Servat (2013) menyatakan bahawa perkataan 'humanisme' telah digunakan dalam takrifan yang berbeza dalam bidang pembelajaran bahasa asing. Takrifan itu mempunyai lima penekanan:

1. **Perasaan:** Humanisme menolak apa sahaja yang menyebabkan seseorang merasa tidak baik atau perkara yang merosakkan keseronokan estetika.
2. **Hubungan Sosial:** Humanisme menggalakkan persahabatan dan kerjasama, dan menolak apa sahaja yang boleh mengurangkannya.
3. **Tanggungjawab:** Humanisme menerima keperluan awam untuk pengawasan, kritikan, dan pembetulan dan menolak sesiapa atau apa sahaja yang menafikan kepentingan isu tersebut.
4. **Intelek:** Humanisme menolak apa sahaja yang

mengganggu penggunaan fiziran secara bebas, dan meragui apa yang tidak boleh diuji secara intelek.

Kesedaran diri:

Humanisme percaya bahawa pencarian untuk menyedari keunikan seseorang membawa kepada pembebasan.

Penekanan-penekanan ini termasuk pembangunan kualiti dan sumbangan tertentu untuk mencapai potensi manusia dalam pembelajaran bahasa (Kemp, 1994) dalam Servat (2013). Justeru itu, aktiviti-aktiviti berikut disusun untuk menerapkan penekanan-penekanan Humanisme dalam pembelajaran bahasa asing terhadap pembelajaran bahasa Arab:

i. Permainan bahasa berpasukan

- Para pelajar digabungkan dalam kumpulan yang kecil. Setelah guru memberikan bahan pelajaran, maka kumpulan akan melaksanakan lembaran-lembaran tugas, saling mengajukan soalan dan belajar bersama untuk persiapan menghadapi pertandingan yang diadakan sekali seminggu seperti permainan pencarian harta karun dan sebagainya. Aktiviti ini mengandungi kelima-lima penekanan humanisme dalam pembelajaran Bahasa asing:

i. perasaan:

ia membantu menghilangkan rasa sukar, bosan dan putus asa dalam mempelajari Bahasa Arab. Malahan menimbulkan perasaan gembira, menghidupkan suasana ceria dan menyuntik semangat serta motivasi belajar.

- ii. **tanggungjawab:** mendidik sifat intergriti dalam diri kerana pelajar perlu membuat persediaan bagi menghadapi pertandingan dan memenanginya.

iii. hubungan sosial:

dapat ditanam melalui kerjasama ahli kumpulan dalam melaksanakan tugas. Secara tidak langsung aktiviti ini dapat menanam sikap menghormati pandangan orang lain dan mengikis sikap mementingkan diri.

- iv. **Intelek:** pelajar perlu memaksimakan penggunaan daya intelek dan kelebihan diri masing-masing untuk memenuhi pertandingan.

v. kesedaran diri:

pelajar mengenal pasti potensi dan keunikan diri masing-masing untuk disumbangkan kepada kejayaan kumpulan mereka.

2. Aktiviti soal-jawab

- Aktiviti saling bertanya selama lima belas minit dijalankan. Pertanyaan - pertanyaan yang diajukan disusun oleh kumpulan terlebih dahulu. Aktiviti ini turut melibatkan kesemua penekanan Humanisme:

- i. **perasaan:** persaingan secara sihat dapat digalakkan dalam aktiviti ini. Ia secara tidak langsung menimbulkan keseronokan dalam pembelajaran.

ii. tanggungjawab:

pelajar merasa bertanggungjawab untuk memastikan

kumpulan mereka mendapat markah yang baik dalam aktiviti ini. Mereka juga boleh menerima teguran secara positif dari rakan-rakan.

iii. hubungan sosial: dapat ditanam melalui perbincangan yang dijalankan sesama ahli kumpulan untuk membina soalan dan mencari jawapan terhadap soalan yang diperolehi dari kumpulan lain.

iv. Intelek: Mengukuhkan kefahaman pelajar terhadap sesuatu topik kerana aktiviti bertanya soalan ini menuntut pelajar memahami dan mengetahui jawapan dahulu sebelum mengajukan soalan kepada kumpulan lain.

v. kesedaran diri: pelajar bebas mengajukan apa sahaja soalan dan bantu soalan yang berkaitan dengan topik mengikut kreativiti masing-masing.

3. Belajar berkumpulan

- Kumpulan diberi bahan pembelajaran bahasa Arab. Pelajar dikehendaki mempelajari bahagian masing-masing bersama-sama dengan ahli kumpulan lain yang mendapat bahan yang serupa. Selepas itu mereka kembali kepada kumpulan masing-masing untuk mengajarkan bahagian yang dibincangkan dengan ahli kumpulan lain tersebut kepada ahli kumpulannya sendiri pula. Kemudian semua ahli kumpulan diuji mengenai seluruh bahan pelajaran.

Aktiviti ini juga menerapkan semua penekanan Humanisme yang disebutkan di atas:

i. perasaan: rasa sukar, bosan dan putus asa dapat diringankan melalui perbincangan dengan rakan sekelas.

ii. tanggungjawab: pelajar merasa bertanggungjawab dan menunaikan amanah untuk memahami topik tertentu dan menyampaikan penerangan yang tepat kepada ahli kumpulannya kembali.

iii. hubungan sosial: Semangat setiakawan juga diterapkan melalui perbincangan dengan ahli kumpulan lain dan ahli kumpulan sendiri. Disamping itu dapat mengakis sifat mementingkan diri, kedekut ilmu dan mengajar untuk menerima pandangan orang lain.

iv. Intelek: pelajar perlu memahami topik yang diperoleh dengan baik bagi membolehkannya berbincang dengan ahli kumpulan yang lain seterusnya menerangkan hasil perbincangan kepada ahli kumpulannya sendiri.

v. kesedaran diri: pelajar perlu menggunakan keunikan dirinya dan kreativitinya untuk menyampaikan hasil perbincangan kepada ahli kumpulan.

4. Penyelidikan berkumpulan

- pelajar bekerja dalam kumpulan kecil untuk menyelesaikan

pelbagai projek kelas yang berkaitan pembelajaran bahasa Arab. Setiap kumpulan membahagikan tugas tersebut menjadi sub-topik yang ditugaskan kepada setiap ahli kumpulan untuk meneliti. Selepas itu setiap kumpulan akan membentangkan hasil penelitiannya kepada kelas. Penekanan terhadap kelima-lima aspek Humanisme juga terdapat dalam aktiviti ini:

i. perasaan: aktiviti ini dilihat dapat meringankan perasaan susah dan terbeban dalam mempelajari bahasa Arab kerana melibatkan kerja berpasukan.

ii. tanggungjawab: menanamkan sifat tanggungjawab untuk menyelesaikan bahagian tugasan masing-masing disamping pelajar dapat belajar berdikari.

iii. hubungan sosial: menggalakkan kerjasama sesama ahli kumpulan, mengikis sifat mementingkan diri, kedekut ilmu dan belajar bersikap optimis.

iv. Intelek: pelajar perlu memahami topik yang diperoleh dengan baik bagi membolehkannya berbincang dengan ahli kumpulan seterusnya membuat pembentangan di hadapan kelas.

v. kesedaran diri: pelajar sedar keupayaan diri masing-masing dan ahli kumpulan yang lain untuk tampil bercakap di khalayak awam.

5. Pembelajaran kendiri

- proses pembelajaran yang menuntut pelajar

menjadi subjek yang harus merancang, mengatur dan mengawal kegiatan mereka sendiri secara bertanggung jawab, manakala guru menjadi fasilitator. Di sini penekanan terhadap aspek perasaan, tanggung jawab, intelek dan kesedaran diri lebih menonjol:

- i. perasaan:** pelajar perlu belajar untuk mengawal perasaan yang dialami didalam pembelajaran Bahasa Arab dan mananamkan perasaan-perasaan yang positif di dalam dirinya.
- ii. tanggungjawab:** pelajar perlu berdikari dan sedar akan amanah serta tanggungjawab yang digalas dalam mengatur dan mengawal kegiatan pembelajaran mereka.
- iii. Intelek:** pelajar perlu bijak merancang kegiatan pembelajaran mereka.
- iv. kesedaran diri:** pelajar menggunakan keupayaan diri untuk mencorak gaya pembelajaran yang dikehendaki.

Aktiviti-aktiviti yang disusun diatas turut memberikan penekanan pada aras kognitif, afektif dan psikomotor pelajar serta memandang manusia sebagai subjek yang bebas untuk menentukan arah hidupnya. Hal ini selari dengan pendekatan Humanistik dalam pendidikan. Ratna (2008) menjelaskan prinsip-prinsip belajar Humanistik menurut Carl Rogers seperti berikut:

- I. Hasrat untuk belajar;** manusia mempunyai hasrat semulajadi untuk belajar.

Hal ini terbukti dengan tingginya rasa ingin tahu pelajar apabila diberi kesempatan untuk menerokai persekitaran. Dorongan ingin tahu untuk belajar ini merupakan tuntutan dasar pendidikan Humanistik. Di dalam kelas yang mengamalkan konsep Humanistik pelajar diberi kesempatan dan kebebasan untuk memuaskan dorongan ingin tahu, memenuhi minatnya dan mencari apa yang penting dan bermakna tentang dunia di sekitarnya.

- 2. Pembelajaran yang bermakna;** belajar akan mempunyai makna apabila apa yang dipelajari relevan dengan keperluan dan tujuan pelajar. Justeru itu pelajar akan belajar dengan cepat apabila sesuatu yang dipelajari mempunyai erti baginya.

- 3. Belajar tanpa ancaman;** pembelajaran akan menjadi mudah dan hasilnya dapat disimpan dengan baik apabila berlaku dalam lingkungan yang bebas ancaman. Proses belajar akan berjalan dengan lancar manakala pelajar dapat menguji kemampuannya, mencuba pengalaman-pengalaman baru atau melakukan kesilapan tanpa mendapat kecaman.

- 4. Belajar atas inisiatif sendiri;** proses pembelajaran akan lebih bernilai apabila dapat dilakukan atas inisiatif pelajar itu sendiri serta melibatkan perasaan dan pemikiran mereka. Keupayaan pelajar dalam memilih arah pembelajaran sendiri dapat memotivasikan dan

memberi peluang kepada mereka untuk mempelajari bagaimana untuk belajar. Belajar atas inisiatif sendiri memusatkan perhatian pelajar kepada proses dan hasil pembelajaran. Di samping itu juga mengajar pelajar menjadi bebas, tidak bergantung, dan percaya kepada diri.

- 5. Belajar untuk perubahan;** belajar yang paling bermanfaat ialah belajar tentang proses belajar. Menurut Rogers, pada masa yang lampau pelajar belajar mengenai fakta dan gagasan yang statik. Ketika itu dunia lambat berubah, dan apa yang diperoleh di sekolah dilihat sudah cukup untuk memenuhi keperluan zaman. Saat ini perubahan merupakan fakta hidup yang sentral, ilmu pengetahuan dan teknologi terus maju. Oleh itu, keperluan pada hari ini adalah orang yang mampu belajar dalam situasi yang sedang berubah dan akan terus berubah.

Pendekatan Humanistik melihat bahawa pembelajaran bahasa Arab memerlukan keaktifan pelajarnya, bukannya guru. Pelajar yang perlu aktif belajar bahasa sebaliknya guru berfungsi sebagai motivator, pentadbir dan penilai. Mursid (2010) menyatakan bahawa pembelajaran bahasa menurut pendekatan ini adalah bertujuan mengeratkan hubungan antara manusia dengan berbagai ragam budaya dan pengalaman. Maka langkah pertama untuk merealisasikan tujuan itu adalah dengan memberikan ruang kepada pelajar yang berbeza budaya dan pengalaman untuk berdialog mengenai diri mereka, serta

bergilir-gilir mengungkapkan pelbagai perkara mengenai diri mereka. Beliau turut menegaskan yang pendekatan ini mengandungi mesej yang mendorong agar proses pembelajaran lebih memberi perhatian kepada pelajar dan diperlakukan sebagai manusia (Memanusiawikan pelajar).

Menurut teori pembelajaran, pelajar bukan objek didik tetapi merupakan subjek didik, untuk itu pendekatan humanistik ini sesuai diimplementasikan dalam pembelajaran bahasa Arab, kerana pelajar dituntut agar turut berperanan aktif dalam segala kegiatan pembelajaran. Penyampaian material tidak dijadikan sebagai sesuatu yang menekan dan memberi beban, melainkan bagaimana penguasaan bahasa menjadi keperluan pelajar (Jabal Nur, 2013). Pendekatan Humanistik dalam pembelajaran bahasa Arab menurut Maimunah (2016) lebih menitik beratkan pembelajaran bahasa yang menyenangkan dan sifatnya yang tidak memaksa. Ia merupakan pendidikan berbahasa yang terbuka dan suatu proses pendidikan yang memberikan kesempatan kepada pelajar untuk bergerak secara bebas di sekitar kelas dan memilih aktiviti belajar mereka sendiri. Selain itu, ia juga bercirikan belajar berbahasa dengan kooperatif. Dasar ini sangat baik untuk meningkatkan dorongan berprestasi pelajar.

Pendekatan Humanistik ini mempunyai implikasi tertentu terhadap pembelajaran bahasa asing menurut Servat (2013) umumnya dan bahasa Arab khususnya. Pengajaran adalah subordinat untuk pembelajaran. Mishra (2000) sebagaimana dipetik oleh Servat (2013) menegaskan bahawa tumpuan

humanisme ialah jauh dari pengajaran dan ke arah pembelajaran. Di samping itu, pelajar memerlukan ruang di mana mereka boleh menonjolkan diri mereka. Guru perlu benar-benar percaya dan menerima pelajar sebagai individu yang bernilai. Humanisme menuntut guru bahasa supaya menganggap diri mereka sebagai fasilitator yang bertanggung jawab membantu pelajar untuk menggunakan bahasa sebagai fungsi sebenar. Selain itu mestilah ada keseimbangan di antara kebebasan pelajar dan kawalan terhadap mereka. Sumbangan lainnya ialah pembelajaran berdasarkan keperluan pelajar; bukan kehendak orang lain di samping penekanan terhadap pengajaran dan pembelajaran reflektif. Humanisme turut menyumbang kepada tumpuan penilaian kekuatan pelajar di samping kesilapan yang dilakukan dianggap sebagai petunjuk kemajuan pelajar.

Sebagai penutup dalam penulisan ini, dapat disimpulkan pendekatan Humanistik dalam pembelajaran bahasa Arab merupakan salah satu transformasi yang efektif dan perlu dilaksanakan bagi mengatasi kesukaran pembelajarannya dan merealisasikan kepentingannya. Ia dapat diaplikasikan dengan kegiatan yang mengandungi lima penekanan Humanisme dalam pembelajaran bahasa asing iaitu: permainan bahasa berpasukan, Aktiviti soal-jawab, belajar berkumpulan, penyelidikan berkumpulan dan pembelajaran kendiri. Di samping itu, pendekatan Humanistik ini turut memberi banyak sumbangan dalam pembelajaran bahasa asing khususnya bahasa Arab itu sendiri.

تاليف

PROGRAM YANG DITAWARKAN

FAKULTI PENGAJIAN ISLAM

- Ijazah Sarjana Muda Syariah dengan Pentadbiran Kehakiman (Kepujian)
- Ijazah Sarjana Muda Dakwah Islamiah dengan Kepujian
- Ijazah Sarjana Muda Pengajian Quran dan Sunnah dengan Kepujian
- Diploma Bahasa Arab dan Tamadun Islam
- Diploma Dakwah dan Pengurusan
- Diploma Syariah dan Undang-Undang
- Diploma Pengurusan Muamalat
- Diploma Pengajian Media Islam
- Diploma Bahasa Arab Komunikasi
- Diploma Kaunseling Islam
- Diploma Pengajian Quran dan Sunnah
- Diploma Pendidikan Awal Kanak-Kanak secara Islamik

FAKULTI TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI

- Ijazah Sarjana Muda Multimedia (Pengiklanan Digital) dengan Kepujian
- Diploma Pembangunan Perisian (Internet dan Multimedia)
- Diploma Teknologi Maklumat dan Rangkaian

FAKULTI PENGAJIAN PENGURUSAN

- Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan dengan Kepujian
- Ijazah Sarjana Muda Kewangan Islam (Kepujian)
- Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dengan Kepujian
- Diploma Perakaunan
- Diploma Kewangan dan Perbankan
- Diploma Pengajian Perniagaan
- Diploma Pengurusan Pemasaran
- Diploma Pengurusan Kewangan Islam

FAKULTI PENGAJIAN BAHASA DAN ASASI

- Ijazah Sarjana Muda Pengajian Bahasa Inggeris Dengan Kepimpinan Pengajaran
- Asasi Sastera
- Diploma In English

Permohonan Secara Atas Talian
www.kuipsas.edu.my



Tulisan Jawi Manifestasi Makna Masyarakat Majmuk Universal

Disediakan oleh :

Norillah binti Abdullah Hassim

Pensyarah Fakulti Pengajian Islam, KUIPSAS

Tulisan Jawi ialah Tulisan Melayu yang menggunakan huruf-huruf Arab. Tulisan ini dipanggil tulisan Yawi di Pattani. Kajian menunjukkan bahawa tulisan Jawi telah berusia hampir 700 tahun lamanya berdasarkan penemuan batu bersurat di Kuala Berang, Terengganu yang bertarikh tahun 702H/1303M serta menggunakan tulisan Jawi sepenuhnya. Penemuan batu bersurat ini sekaligus mengesahkan penggunaan tulisan Jawi sebagai bahasa rasmi di Tanah Melayu ketika itu kerana isi teks batu bersurat tersebut merupakan catatan seorang raja berkaitan undang-undang. Perkembangan tulisan Jawi ini kemudian mencetuskan evolusi pada sistem tulisan Jawi seperti Sistem Ejaan Jawi Pakatan, Sistem Ejaan Jawi Za'aba dan Sistem Ejaan Jawi Dian.

Tulisan Jawi dan Bahasa Melayu tidak mungkin akan terpisah. Apabila membincangkan tentang bahasa Melayu, secara tidak langsung akan membincangkan tentang Tulisan Jawi. Bahasa Melayu berasal daripada rumpun bahasa Austronesia iaitu: Bahasa Nusantara (bahasa Melayu, Tagalog dan lain-lain), Bahasa Polinesia (bahasa Hawai, Tonga dan lain-lain) Bahasa Melasia (bahasa kepulauan Fiji, Irian dan lain-lain) dan Bahasa Mikronesia (bahasa kepulauan Marshall, Guam dan lain-lain). Oleh kerana tulisan Jawi merupakan sistem ejaan bahasa Melayu maka sejarahnya berkembang seiring dengan perkembangan bahasa Melayu. Ini bermakna tulisan Jawi memiliki sejarah kepelbagaiannya yang merentasi dunia.

Terdapat banyak catatan pedagang, pelayar, pemerintah malah pendeta-pendeta agama menunjukkan bahawa bahasa Melayu telah menjadi bahasa dalam bidang ilmu, ekonomi, politik dan agama. Maka tidak hairanlah tulisan Jawi bukan hanya digunakan di Semenanjung Tanah Melayu malah turut diguna pakai sebagai tulisan utama di Singapura, Brunei Darussalam, Indonesia, Selatan Thai dan di Sri Lanka. Ini menunjukkan bahawa tulisan Jawi menjadi perantara komunikasi dan penyebaran maklumat yang mempunyai batasan yang meluas serta dapat menghubungkan manusia antarabangsa.

Bahasa Melayu, walaupun menggunakan Tulisan Jawi yang berunsur leksikal bahasa Arab namun kosa katanya dipelbagaikan oleh kata pinjam daripada bahasa Sanskrit, Tamil, Monggolia, Cina, Jawa, Portugis, Tagalog, Parsi, Inggeris dan lain-lain. Kepelbagaian kata pinjam dari pelbagai bahasa ini menunjukkan bahasa Melayu telah melalui tempoh transisi dan perkembangan yang menjangkaui permukaan Geografi yang meluas. Justeru, walaupun fizikal tulisan Jawi menggunakan unsur leksikal bahasa Arab namun kosa katanya tidaklah terhad kepada kosa kata bahasa Arab semata-mata. Ini secara tidak langsung telah menjadikan tulisan Jawi sebagai wadah yang menampung makna kepelbagaian hubungan antara masyarakat dunia.

Sehingga kini tulisan Jawi masih berperanan sebagai medan pengantar masyarakat dunia. Keunikan sejarah dan sistem ejaannya menarik perhatian masyarakat dunia untuk mengkaji dan mempelajarinya malah universiti-universiti dunia seperti di Jepun dan Korea begitu serius menggembangkan usaha untuk melihat kelangsungan tulisan Jawi sebagai warisan peradaban.

تألیف

Tahukah Anda: Mitos Mengenai Kaunseling

Disediakan oleh :

Nor Fadzilah binti Md Yusof

Pensyarah Fakulti Pengajian Islam, KUIPSAS

Perkhidmatan bimbingan dan kaunseling kini semakin diperlukan dalam masyarakat dunia. Ini kerana masyarakat sedang mengalami pelbagai situasi yang menekan seperti perubahan dalam kehidupan seharian, kepesatan dan perubahan ekonomi, kewangan, kerjaya, perubahan cara hidup dan kehadiran pelbagai masalah-masalah sosial dalam masyarakat adalah berpunca daripada perubahan struktur sosial. Perkhidmatan bimbingan dan kaunseling diperlukan ini kerana individu merupakan manusia adalah makhluk sosial yang saling memerlukan antara satu sama lain. Sejak dilahirkan sehingga akhir hayat, manusia saling memberi dan menerima. Perhubungan pertolongan merupakan dua amalan yang biasa bagi seorang manusia yang normal. Namun begitu sehingga kini ramai dalam kalangan masyarakat mempunyai tanggapan mengenai kaunseling. Tanggapan atau mitos ini boleh menghalang seseorang atau orang lain memahami perkhidmatan kaunseling dan seterusnya mendapatkan pertolongan professional mengenai permasalahan yang dihadapi.



Kaunselor Tidak Buat Apa-Apa

Kaunselor adalah individu yang mempunyai ilmu pengetahuan dan pendidikan dalam bidang kaunseling, mempunyai kemahiran-kemahiran yang terlatih sebagai seorang kaunselor; mempunyai nilai dan sikap kemanusiaan, berdaftar dan mempunyai perakuan amalan dari Lembaga Kaunselor Malaysia yang berperanan membantu klien.

Proses kaunseling yang dijalankan bersama klien merupakan satu proses yang profesional di mana proses kaunseling merupakan interaksi bersemuka di antara kaunselor dan klien, bertujuan untuk membantu klien mengurus isunya.

Di dalam sesi kaunseling ini kaunselor menggunakan kemahiran yang terlatih seperti kemahiran mendengar, kemahiran menyayang, kemahiran refleksi, kemahiran parafrasa dan sebagainya. Kemahiran ini digunakan kaunselor bagi mengenal pasti isu utama klien. Kemudian kaunselor mengaplikasikan teori kaunseling bagi membantu klien mendapat celik akal dalam mengambil keputusan dan menyelesaikan masalah.



Kaunseling Adalah Nasihat

Segelintir masyarakat menyangka bahawa kaunseling adalah sama dengan memberi nasihat. Hakikatnya kaunseling ialah satu proses dua hala di mana kaunselor dan klien berbincang bersama untuk mencapai matlamat yang diingini oleh klien. Kaunselor meneroka dan memahami isu klien, dan memudah cara lanya menepati konsep kaunseling iaitu menghormati kredibiliti klien dan menganggap klien sebagai individu yang mampu membuat keputusan sendiri di akhir sesi kaunseling.



Kaunseling Adalah Berbual-Bual Sahaja

Kaunseling merupakan satu proses perhubungan menolong yang sistematik berasaskan prinsip psikologi yang dilakukan oleh kaunselor bagi menghasilkan perubahan, perkembangan dan penyesuaian peribadi klien yang menyeluruh berlandaskan etika kaunseling. Sesi kaunseling berjalan selama 45 minit hingga satu jam sahaja. Proses ini akan mengakibatkan pembentukan atau penjelasan matlamat dan nilai hidup individu itu sehingga dia dapat menentukan tindakan yang wajar diambilnya untuk masa depannya. Jadi ianya merupakan satu proses yang professional dalam membantu klien.



Kaunseling Hanya Untuk Orang Yang Bermasalah Sahaja

Kaunseling dilihat sebagai salah satu pendekatan yang sesuai bagi membantu mengatasi kebanyakan cabaran yang dihadapi dari segi pembangunan sahsiah diri dan potensi-potensi diri. Oleh itu perkhidmatan kaunseling ini bukan sahaja untuk individu yang bermasalah tetapi kepada semua masyarakat. Ini kerana fitrah manusia itu sendiri iaitu manusia yang sentiasa memerlukan sokongan, perhatian, kasih sayang, mempunyai potensi diri untuk berkembang, mempengaruhi dan dipengaruhi persekitarannya serta keupayaan manusia untuk memenuhi keperluan kehidupan. Oleh itu perkhidmatan kaunseling sesuai untuk semua manusia yang normal yang inginkan peningkatan keperluan kehidupan.

Skim Dana KWSP

Bukan Jaminan Persaraan Yang Selesa

Disediakan oleh :

Nur Liana 'Aqilah binti Derus

Pensyarah Fakulti Pengajian Pengurusan, KUIPSAS

Tahu kah anda bahawa Malaysia diramalkan menjadi 'negara tua' menjelang tahun 2035? Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia, statistik berkenaan dengan jangka hayat penduduk Malaysia semakin meningkat. Menjelang tahun 2020 penduduk Malaysia berusia 65 ke atas adalah sebanyak 7 peratus dan dijangka meningkat kepada 20 peratus pada tahun 2040. Ia dikukuhkan lagi dengan kajian lain bahawa bayi perempuan yang baru lahir dijangka hidup lebih lama sehingga 77.3 tahun manakala bayi lelaki dijangka hidup sehingga 72.2 tahun pada 2019 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 23 Julai 2019). Hal ini selari dengan peningkatan kemajuan negara dari sudut peningkatan teknologi perubatan serta penjagaan kesihatan. Situasi ini turut mengundang cadangan perlaksanaan untuk menaikkan had umur


persaraan. Kementerian Sumber Manusia turut memperhalus cadangan meningkatkan had umur persaraan daripada 60 tahun kepada 65 tahun seperti dilakukan beberapa negara maju termasuk Singapura. Cadangan ini dirangka bagi mengatasi masalah peningkatan beban sara hidup dan keperluan untuk meneruskan kehidupan berkeluarga semakin berat. Persoalannya adakah kadar simpanan selepas persaraan mencukupi?

Umumnya mengetahui bahawa majoriti rakyat Malaysia mempunyai kadar simpanan di Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang dijadikan sandaran sebagai simpanan untuk tempoh selepas persaraan. Bagi individu bekerja swasta dan penjawat awam yang tidak memilih skim pencen, wang KWSP merupakan sumber

pendapatan yang diharapkan secara 100% untuk kelangsungan hidup selepas bersara. Berbeza dengan penjawat awam yang memilih skim pencen, mereka lebih selesa dengan jaminan wang pencen yang diterima mereka. Justeru itu, menjadi bibit persoalan adakah wang KWSP mampu memenuhi keperluan selaras dengan peningkatan had umur yang semakin meningkat? Adakah wujud kebarangkalian golongan pesara terpaksa bekerja semula di kala usia senja bagi mencari nafkah kehidupan?

Miskin Pada Hari Tua
Had umur persaraan di Malaysia adalah pada usia 60 tahun. Manakala peningkatan jangka hayat wanita sehingga 77.3 tahun mewujudkan jurang perbezaan sebanyak 17.3 tahun untuk meneruskan kelangsungan hidup. Justeru itu, adakah wang persaraan di KWSP mampu

Carta 1: Jangkaan hayat ketika lahir, Malaysia, 2013-2019



Sumber: **Jabatan Perangkaan Malaysia, 23 Julai 2019**



152,000 bersara 'miskin'

PETALING JAYA 26 Sept. - Kenyataan Wang Simpanan Pelabur KWSP menunjukkan seramai 152,000 pelabur yang akan bersara segera akan mempunyai simpanan perorangan kurang daripada RM50,000.

Jumlah simpanan itu adalah di bawah peratus cawangan retiran yang dianugerahkan kerajaan setu sebanyak RM100,000.

Ketua Pegawai Eksekutif KWSP, Tan Sri Azlan Zainol berkata, jumlah pelabur yang mendapat simpanan perorangan kurang pada pencarum tidak wajar bersara seti tahan yang mempunyai simpanan perorangan sepadan dengan pencarum yang berperatusan 100%.

Beliau berkata, golongan yang mendapat simpanan perorangan RM50,000 atau mewujud 75 peratus pencarum KWSP dalam kategori



ALZAINOL

Ramai Pegawai Eksekutif KWSP,

Tan Sri Azlan Zainol berkata, jumlah pelabur yang mendapat simpanan perorangan kurang pada pencarum tidak wajar bersara seti tahan yang mempunyai simpanan perorangan sepadan dengan pencarum yang berperatusan 100%.

Beliau berkata, golongan yang mendapat simpanan perorangan RM50,000 atau mewujud 75 peratus pencarum KWSP dalam kategori

percarum tidak aktif.

Ketanya, hanya 17 peratus da-

ngan simpanan ini menganggarkan simpanan di dalam KWSP melebihi RM200,000 selek-

ti bersara nanti.

"Selain itu, ramai juga pencarum yang mendapat simpanan perorangan selepas persaraan.

Katanya, ia bukan perkara

perlu untuk agak didapati tumpuan

simpanan dalam tempoh lama

tanah dan 70 peratus dalam tempoh

10 tahun.

"Selain itu, peratus jangka hayat pe-

darid Malaysia cajang sekitar na-

njukor sekitar 75 tahun berband-

ing 60 tahun."

"Sehubungan itu, setiap individu

perlu mempunyai simpanan

sekitar 20 tahun selepas datari

tempoh perkhidmatan ejen."

(Petikan surat khabar Berita Harian, 26 September 2011)

bertahan selama 17.3 tahun? Kenyataan yang dikeluarkan oleh KWSP pada 2008 menunjukkan lebih kurang 70% daripada penyumbang-penyumbang (pencarum) yang mengeluarkan wang simpanan KWSP mereka pada umur 55 tahun habis membelanjakan wang simpanan tersebut dalam tempoh 3 tahun. (Sumber: NST, 27 Disember 2008). Ketua Pegawai Eksekutif KWSP, Tan Sri Azlan Zainol berkata dalam kenyataan mengatakan kajian KWSP yang dibuat pada 2003, mendapati sebanyak 14 peratus daripada pencarum menghabiskan simpanan dalam tempoh tiga tahun selepas persaraan dan sebanyak 50 peratus pencarum lagi didapati menghabiskan simpanan dalam tempoh lima tahun serta 70 peratus dalam tempoh 10 tahun. Satu kenyataan yang menggerunkan dan ia merupakan satu hakikat perlu diterima oleh semua pihak. Sebahagian besar pesara yang bergantung sepenuhnya terhadap simpanan KWSP bagi memenuhi keperluan sehingga jangka hayat didapati tidak mencukupi dan memaksa mereka bekerja semula. Hal ini demikian kerana wang

simpanan yang ada digunakan untuk menyelesaikan hutang piutang yang ada seperti pembiayaan perumahan, kereta, pendidikan anak-anak, penjagaan kesihatan dan perubatan dan lain-lain yang memerlukan kos perbelanjaan yang besar. Namun ada juga yang mengambil kesempatan menggunakan dana persaraan untuk membeli rumah mahupun kereta baru dan menghabiskan dana tersebut dalam jangka pendek tanpa memikirkan penggunaan untuk tempoh jangka panjang. Dibelenggu hutang piutang menyebabkan dana simpanan KWSP dihabiskan dalam tempoh 3 hingga 5 tahun selepas tempoh bersara. Keadaan ini menyebabkan Malaysia bakal berdepan dengan krisis persaraan yang agak membimbangkan terutamanya mengenai bebanan dalam meneruskan kelangsungan kehidupan golongan pesara swasta di usia senja.

Perlu Bekerja Sampai Mati

Peningkatan kos sara hidup, bebanan hidup yang berat dan hutang piutang yang belum dilangsangkan menjadi

dilema bagi kalangan pesara. Memandangkan kos sara hidup di Malaysia semakin mencabar hari ini, perbelanjaan harian, perubatan, kos pendidikan anak-anak yang terus melonjak tinggi ramai kalangan yang bakal berhenti kerja dalam dilema melihatkan tekanan yang terhidang di hadapan mereka selepas mereka bersara. Wang simpanan KWSP yang semakin menyusut menyebabkan ramai dari kalangan pesara terpaksa mengambil keputusan untuk bekerja semula pada usia senja mereka. Walhal, pada usia ini, mereka sepatutnya dapat beristirahat di rumah selepas berpuluh tahun menghabiskan masa bekerja sejak dari usia muda. Namun demikian, keterpaksaan memaksa mereka untuk terus bekerja bagi menampung keperluan hidup. Satu kenyataan yang menyedihkan namun ini realiti yang terpaksa ditanggung oleh mereka. 90 peratus daripada pencarum KWSP mempunyai masalah untuk mengharungi beban kos sara hidup hari ini dan akan datang (Laporan Pembangunan Manusia Malaysia, 2013)

Laporan daripada Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) menyatakan 3 daripada 10 orang pencarum KWSP terpaksa keluar bekerja semula selepas dana KWSP mereka habis dibelanjakan. Golongan ini terpaksa melakukan pelbagai pekerjaan seperti berniaga, menjadi pengawal keselamatan dan bekerja di stesen-stesen minyak sebagai juru pam. Tempoh persaraan pada had umur 60 tahun manakala jangka hayat di Malaysia dalam lingkungan 72-77 tahun.

Andaikan tempoh hayat pada 75 tahun maka seseorang pesara mempunyai tempoh 15 tahun selepas bersara. Dana KWSP yang diperoleh tidak mencukupi untuk menampung tekanan kos inflasi dan beban hidup. Keadaan ini memaksa mereka untuk keluar bekerja semula.

pelaburan selain daripada mengharapkan 100% dana KWSP. Hal ini demikian kerana dana KWSP yang ada tidak dapat memenuhi keperluan perbelanjaan selepas bersara. Bakal pesara juga dinasihatkan supaya memulakan persediaan persaraan sejak mula

16 | Selasa 22 Julai 2008 DEWAN RAKYAT
BY PAPUA 144 22 Jewell

Pesara perlu simpanan minimum RM120,000

Pencarum KWSP kena bijak melabur untuk hidup lebih selesa

KUALA LUMPUR: Purata simpanan rakyat Malaysia pada umur 54 tahun yang menjadi pesara akif dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) bagi tahun lewatan 2007 adalah RM120,000.

Tuan Menteri Kewangan, Datuk Ahmad Husni Hanafiah, berkata sekiranya seseorang pekerja mempunyai caruman sejuk RM120,000, dia boleh berhenti kerja selepas berumur 55 tahun.

"Untuk memikirkan sehidup lebh selesa, pencarum simpanan minimum caruan baki diperludah RM120,000," katanya menjawab soalan Senator Dato' Bahrwan Sulim Sujak yang ingin tahu anggaran simpanan minimum yang perlu dilakukan seorang Melayu dalam KWSP apabila bersara.

Bogaimanapun, Husni

yang ada pada umur 55 tahun akan berjumlah sekitar ringgit 320 ribu pada RM120,000.

"Jumlah simpanan itu dipanggah boleh memberi pengeluaran bulanan sebanyak RM400 selepas diwangsai 30 tahun selepas berumur 55 tahun."

"Untuk memikirkan sehidup lebh selesa, pencarum simpanan minimum caruan baki diperludah RM120,000," katanya menjawab soalan tahniah Ihsan Salim. Ahmad Husni berkata, setiap pencarum simpanan yang berhenti pelaburan, jumlah RM120,000 ini mencukupi sepenging bersara.

"Rukuh alii masih lagi mencarum, mereka boleh mengambil pendapatan dari akun kewangan sedangkan 20 peratus daripada caruman untuk membayar ru-

musi maslah jika rumah perlu tiba-tiba dibayar dan dialih menjadi jaga disebabkan masalah runcit hadam."

"Jadi saya maklum sekitaranya mereka mempunyai rupa-rupa simpanan yang mencukupi, maka nanti dengan RM120,000 mereka boleh hidup," katanya.

Menjawab soalan tahniah Senator Tan Sri Joes Shamsuddin yang ingin tahu sama ada kementerian bercadang meningkatkan peruntukan pelaburan, Ahmad Husni berkata, perkara itu akan dikaji.

“Untuk memikirkan sehidup lebh selesa, pencarum simpanan minimum caruan baki diperludah RM120,000”

Ahmad Husni Hanafiah
Timbalan Menteri Kewangan

(Petikan surat khabar Berita Harian, 22 Julai 2008)

Perancangan Kewangan Pasca Persaraan

Bagi persediaan menghadapi persaraan akan datang maka pentingnya memulakan perancangan kewangan sejak dari muda lagi. Setiap individu perlu belajar dalam menguruskan kewangan dan menentukan matlamat persaraan agar dapat bersara dalam keadaan selesa dan bebas dari dibelenggu hutang piutang. Pengurusan kewangan yang lemah, kurang kesedaran menyimpan wang untuk masa depan dan sikap berbelanja di luar kemampuan menyumbang kepada masalah kemiskinan pada usia persaraan. Untuk mencapai kejayaan kewangan selepas tempoh persaraan, setiap individu perlu melakukan tindakan lebih awal dengan menyediakan tabungan dan melabur di pelbagai instrumen

bekerja dan terus melabur sehingga bersara untuk memastikan pendapatan mencukupi untuk menghadapi pasca persaraan. Simpanan yang dibuat sejak dari usia masih muda, individu akan menikmati manfaat simpanan wang yang lebih tinggi.

Justeru itu, medium pelaburan yang ada serta pelbagai skim persaraan yang ditawarkan perlu digunakan dengan sepenuhnya. Menurut Pengurus Kanan Jabatan Pengurusan Strategi KWSP, Farizan Kamaluddin, menggalakkan caruman pilihan sendiri dengan ahli boleh menambah jumlah simpanan dalam KWSP secara sukarela agar dapat meningkatkan tabungan wang persaraan kelak. Selain itu, Ketua Persaraan Antarabangsa Allianz, Brigitte Miksa berkata jumlah

pendapatan selepas bersara rakyat Malaysia masih tidak mencukupi untuk jangka masa panjang dan masih memerlukan pendapatan tambahan seperti daripada dana pelaburan unit amanah. Selain itu, Skim Persaraan Swasta atau 'Private Retirement Scheme' (PRS) juga dilihat sebagai alternatif kedua kepada individu yang bakal bersara. Pelabur yang mencarum dalam PRS boleh memilih dana persaraan berdasarkan beberapa faktor seperti matlamat, keperluan ketika persaraan dan ketahanan risiko. PRS dilihat sebagai salah satu medium terbaik yang dapat menampung kekurangan dana persaraan yang sedia ada di dalam KWSP.

Sebagai penutup, peri pentingnya setiap individu mempunyai perancangan rapi dan menetapkan matlamat persaraan agar dapat menjamin persaraan yang selesa. Jumlah simpanan dan pelaburan yang diceburi di usia muda dapat menjamin gaya hidup persaraan yang ingin dinikmati. Justeru itu, setiap individu perlu ada kesedaran dalam mengurus kewangan dengan bijak dan menguruskan hutang dengan baik agar tidak hidup melarat di usia tua kelak. Bak kata pepatah Melayu, 'sediakan payung sebelum hujan' perlu dijadikan asas persediaan setiap individu sebagai persediaan menghadapi kos di luar jangka di usia tua seperti menanggung kos perubatan dan penjagaan kesihatan yang tinggi.

تاليف

Tahukah Anda TENTANG 5G

Disediakan oleh :

Zuraini binti Mohamad

Mohd Fazzly Rassis bin Md Kasim

Pensyarah Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi, KUIPSAS

Anda tentu pernah dengar tentang 3G dan 4G. Tetapi tahukah anda tentang teknologi tersebut? Bagaimana pula dengan 5G?

G bermaksud **Generation** adalah merujuk kepada evolusi dalam teknologi rangkaian mudah alih. Bermula dengan rangkaian 1G hingga kini memasuki era 5G, evolusi ini berlaku untuk peningkatan kelajuan dan teknologi yang digunakan untuk mencapai kelajuan tersebut. Berikut adalah **standard** rangkaian digital yang boleh kita fahami dengan mudah.

- **2G** - GSM
- **2.5G** - GPRS
- **2.75G** - EDGE
- **3G** - UMTS
- **3.5G** - High Speed Packet Access (HSPA)
- **3.75G** - HSPA+ (H+)
- **4G** - Long Term Evolution (LTE), LTE-Advanced
- **4.5G** - LTE Advanced Pro
- **5G** - New Radio (NR)

Apakah perbezaan bagi setiap generasi tersebut?

Rangkaian 1G diperkenalkan dalam tahun 80an menggunakan isyarat radio secara analog. Rangkaian ini membentarkan pengguna membuat dan menerima panggilan telefon dalam kawasan liputan isyarat pemancar radio selular sahaja. **Motorola** merupakan pengeluar telefon mudah alih komersial yang pertama. Telefon ini secara umumnya mempunyai

jangka hayat bateri yang lemah dan kualiti suara yang kurang disamping bentuk fizikalnya yang lebih besar dan berat. Maksimum kelajuan capaian pula hanyalah 24kbps.

Teknologi rangkaian 2G menggunakan isyarat digital dalam tahun 90an. Teknologi **Global System for Mobile Communication** membentarkan pemindahan data berlaku. Telefon bimbit telah mula digunakan dengan banyak pada generasi ini. Masih ingat lagikah tentang Nokia 3310?

Apa itu 5G

5th Generation merupakan teknologi rangkaian yang menggunakan spektrum frekuensi radio yang sangat tinggi untuk sambungan mudah alih dikenali sebagai NR yang bermaksud "**New Radio**". 5G menawarkan beberapa teknologi pemancar terkini seperti antena agam berganda ataupun **Massive-MIMO**. Lebih banyak antena, lebih tinggi kadar data dapat dihantar kepada pengguna. Dijangkakan sebanyak 128 antena dipasang pada menara pemancar berbanding 3 atau 6 antena pada menara pemancar 4G.

Apabila kita berbicara mengenai 5G, maka semua akan lebih cepat. Kelebihan 5G dalam penghantaran data jauh lebih pantas dibandingkan dengan 4G membuatkan pengguna menikmati kadar muat turun

dan muat naik video, filem dan lagu dengan lebih pantas. Menurut kajian, kecepatan yang dimiliki jaringan 5G adalah 20 kali ganda lebih pantas dari 4G. Pemidahan data berkelajuan tinggi, kadar latensi yang serendah 1 milisaat dan juga sambungan rangkaian yang stabil menggalakkan **Internet of Things** (IoT). Semuanya

dapat dijayakan dengan adanya gabungan teknologi 5G bersama penggunaan **sensor** yang tinggi dan input yang lebih tepat dalam teknologi mengawal robot, **virtual reality** serta mewujudkan **smart grids, smart cities, smart factories** dan juga **smart vehicles**. Negara Jepun, China dan Korea Selatan adalah antara negara yang telah pun ke hadapan dalam kajian teknologi 5G. Sementara itu, kerajaan Malaysia pula sudah mula menjalankan beberapa ujian bagi rangkaian ini di Cyberjaya dan Putrajaya. Jika sekarang kita ada **standard** rangkaian untuk 4G, akan datang kita pasti akan menerima teknologi rangkaian 5G.

Menurut SKMM, bidang industri vertikal boleh mendapat banyak manfaat teknologi 5G ini dan dijangka memberi kesan yang positif bukan sahaja kepada ekonomi negara tetapi juga mengubah lanskap industri ICT Malaysia. Malah, kerajaan juga perlu memastikan negara kita tidak terus ketinggalan dalam pembangunan infrastruktur teknologi di masa depan.

تاليف




Keibubapaan Digital

Disediakan oleh :

Siti Nurul Ain binti Mohd Yusoff

Pensyarah Fakulti Pengajian Islam, KUIPSAS



Peredaran masa seiring perubahan zaman menjadikan dunia teknologi semakin berkembang dalam memenuhi keperluan manusia. Perkembangan ini juga berlaku dalam aspek kemahiran keibubapaan dalam pembentukan tingkah laku anak-anak pada zaman teknologi masa kini. Penambahbaikan dalam aspek pengajaran dan pembelajaran anak-anak telah menjadikan teknologi sebagai salah satu medium terpenting dalam proses pembelajaran. Namun adakah ibu bapa sedar bahawa mereka telah menjadi sebahagian daripada proses tersebut?

Peranan ibu bapa dalam proses keibubapaan semakin berhadapan dengan cabaran yang memerlukan ibu bapa peka terhadap perubahan teknologi dan perlu bergerak seiring dengan perubahan tersebut. Bukan lagi saban tahun bahkan setiap minggu dan bulan ada sahaja perubahan yang berlaku dalam kehidupan sehari-hari kita. Tidak kira dalam bidang ekonomi, sains dan teknologi malah bidang pendidikan itu sendiri memperlihatkan satu perubahan yang besar dalam menyampaikan penyebaran ilmu pengetahuan.

Namun adakah ianya memberikan impak positif seperti mana yang kita diharapkan? Inilah yang perlu dibincangkan dalam kalangan ibu bapa, bagaimana untuk menjadi ibu bapa yang mempunyai kemahiran keibubapaan digital dalam memastikan pengasuhan dan pendidikan anak-anak dapat disediakan dengan baik.

Keibubapaan Digital

Istilah ini mungkin baru dan masih asing dalam kalangan ibu bapa. Namun bagi yang mengetahuinya, ini sudah cukup menunjukkan bahawa mereka adalah orang yang peka dengan perubahan teknologi dan sentiasa mencuba teknologi baru yang sentiasa berubah-ubah pada masa kini. Bagi ibu bapa yang baru mengetahui mengenai perkara ini, keibubapaan digital ini adalah merupakan bentuk baru dalam kemahiran keibubapaan yang mana ia adalah seiring dengan peredaran teknologi yang kini semuanya hanya di hujung jari sahaja. Trend pengasuhan anak kini berubah dengan adanya peranti-peranti elektronik yang mudah dibawa ke sana ke sini serta mudah diguna dan diakses di mana sahaja.

Ibu bapa masa kini dilihat menyediakan anak-anak dengan peranti elektronik seperti tablet dan smartphone sebagai medium untuk anak-anak bermain dan belajar. Fenomena ini boleh dilihat di mana sahaja tidak kira di pasar raya, restoran, dalam kereta malah di rumah terutamanya. Adakah nilai keibubapaan telah berubah dalam pengasuhan anak-anak? Atau adakah teknologi digital lebih mempengaruhi cara gaya keibubapaan masa kini? Tapi adakah ibu bapa semua tahu bahawa keibubapaan digital ini sebenarnya menjadi sebahagian daripada ancaman kepada anak-anak tanpa anda sedari. Baiknya teknologi kerana mampu memudahkan segala urusan dan memenuhi keperluan manusia. Namun, perlu diingat bahawa tanpa kawalan dan batasan apapun akan memudarangkan terutamanya kepada anak-anak di usia kanak-kanak awal ini.

Ancaman Digital

Peranti elektronik masa kini datang dengan fungsi dan kemudahan yang semakin canggih namun adakah keibubapaan juga semakin canggih. Akademi Pediatrik America (AAP) telah menyarankan bahawa kanak-kanak yang berumur bawah daripada dua tahun untuk tidak didedahkan kepada sebarang bentuk aktiviti skrin dan jika ianya berlaku haruslah kurang daripada dua jam penggunaannya bagi setiap hari. Hal ini demikian kerana, jika dibiarkan lebih lama proses ini akan memberi kesan kepada perkembangan kanak-kanak yang bukan sahaja melibatkan kognitif, fizikal malah juga sosial dan emosi kanak-kanak.

Mendidik Anak Digital

Kanak-kanak dan gajet dilihat berpisah tiada. Ibu bapa masa kini perlu lebih memberi perhatian dengan mempelbagaikan aktiviti bersama anak-anak serta lebih banyak meluangkan masa bersama-sama. Selain dapat berinteraksi dan berkongsi cerita dengan anak-anak, ikatan keibubapaan juga dapat dibina dengan lebih baik dan secara tidak langsung ibu bapa akan lebih mengenali keperluan anak-anak. Antara tip-tip mendidik anak digital ini adalah seperti:

1. Tetapkan peraturan dalam penggunaan gajet atau peranti elektronik.
2. Sentiasa konsisten dengan keputusan yang telah dibuat dan sentiasa berbincang dengan anak-anak.
3. Bina ruang dan sudut untuk anak-anak berserta dengan alatan mainan dan aktiviti yang sesuai dengan mereka.
4. Terapkan nilai-nilai murni dalam diri anak-anak dengan

menjadi contoh yang baik untuk mereka ikuti.

5. Berikan ganjaran kepada anak-anak jika mereka menunjukkan tingkah laku yang baik.
6. Sentiasa menjadi pendengar yang baik kepada anak-anak dan berikan mereka peluang untuk menjelaskan sesuatu perkara.
7. Pilih alat permainan dan aktiviti yang sesuai dengan peringkat umur anak-anak tidak kira secara *indoor* atau *outdoor*.

Ibu Bapa: Guru Pertama Anak

Anak-anak belajar melalui apa yang mereka lihat dan alami. Justeru, guru pertama yang mengajarkan anak-anak ini mengenal dunia adalah ibu bapa itu sendiri. Ibu bapa itu ibarat cerminan buat anak-anak. Baik perlakuananya maka baik juga tindakan anak-anak. Teknologi itu tidak salah tapi yang salah adalah kita yang menggunakaninya. Setiap sesuatu itu Allah jadikan mempunyai fungsi dan peranannya. Maka, sebagai ibu bapa penuhi diri kita dengan kemahiran keibubapaan yang terbaik seiring dengan perubahan zaman dan teknologi. Teknologi itu sememangnya memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran anak-anak tetapi jangan sampai kita meremehkan kemudahan itu dengan memberikan kebebasan sepenuhnya untuk anak-anak meneroka tanpa bimbingan dan panduan yang sebaiknya. Ingatlah wahai ibu bapa di luar sana, "Anak itu Permata Berharga, Tiada Ganti di Dunia Ini, Hanya Pinjaman Allah Semata-mata, Bekalan kita di Akhirat Nanti".

Penyelesaian Pertikaian Secara Alternatif (Alternative Dispute Resolution (ADR))

Disediakan oleh :

Yusliha binti Mohd Yunus

Pensyarah Fakulti Pengajian Islam, KUIPSAS

Mahkamah merupakan satu tempat untuk menyelesaikan pertikaian yang berlaku di antara pihak-pihak yang bertikai atau pihak yang ingin menuntut hak, keadilan atau menyelesaikan permasalahan yang timbul di antara pihak-pihak. Dalam hal ini, mahkamah dilihat sebagai forum konvensional di mana mahkamah sering dipilih sebagai forum utama dalam menyelesaikan apa-apa pertikaian yang timbul. Jika dikaji, terdapat beberapa faktor yang menyebabkan mahkamah sering dipilih sebagai forum pertikaian berbanding dengan mekanisme lain. Hal ini dapat dilihat melalui sejarah kehakiman negara Malaysia sendiri yang telah menggunakan mahkamah sebagai forum penyelesaian pertikaian sejak zaman penjajahan lagi.

Kaedah penyelesaian pertikaian **alternative** (ADR) merupakan kaedah-kaedah yang boleh digunakan oleh pihak -pihak yang terlibat untuk menyelesaikan pertikaian mereka tanpa perlu prosiding mahkamah. Bentuk yang paling biasa bagi penyelesaian pertikaian alternatif adalah pengantaraan (**mediation**) dan timbangtara (**arbitration**). Ini adalah yang biasa digunakan di mahkamah sivil bagi pertikaian yang melibatkan kewangan, kontrak di antara syarikat-syarikat, kontrak dengan bank-bank dan sebagainya. Sebenarnya, apa-apa jua jenis pertikaian boleh diselesaikan dengan cara alternatif ini. Masyarakat kurang diberi pendedahan tentang penyelesaian pertikaian secara alternatif dan kebaikan-kebaikannya.

Berdasarkan Arahan Amalan No. 4 tahun 2016 yang dikeluarkan oleh Ketua Hakim Negara pada 13 Jun 2016, pihak mahkamah khususnya sivil kini diberi rangka kerja yang sesuai bagi meneroka kaedah-kaedah penyelesaian pertikaian alternatif yang lain sebelum meneruskan ke proses perbicaraan di mahkamah, termasuk kes-kes perbankan Islam. Kelebihan menyelesaikan pertikaian tersebut adalah (i) pihak-pihak ini mampu untuk meneroka semua pilihan yang ada; (ii) isu-isu asas dan titik persamaan yang boleh dikenal pasti; (iii) hubungan baik dipulihkan dan dikekalkan; (iv) syarat-syarat yang telah dipersetujui akan diterima oleh kedua-dua pihak; (v) penyelesaian adalah bermanfaat; (vi) tiada kelewatan dalam perbicaraan mahkamah; dan

(vii) segala keputusan adalah muktamad.

Berdasarkan Arahan Amalan ini, jenis-jenis kes yang boleh diselesaikan dengan cara penyelesaian alternatif ini, contohnya kes-kes yang berkaitan:-

- (a) Tuntutan kecederaan diri atau apa-apa ganti rugi yang disebabkan oleh kemalangan atau kecuaian;
- (b) Tuntutan fitnah;
- (c) Tuntutan hal-hal yang berkaitan dengan perkahwinan dan pembubaran perkahwinan orang bukan Islam;
- (d) Pertikaian komersial;
- (e) Pertikaian kontrak; atau
- (f) Pertikaian berkaitan dengan harta intelek.

Oleh hal yang demikian, penyelesaian pertikaian tidak lagi tertumpu hanya kepada proses perbicaraan di mahkamah malah segelintir pihak-pihak telah mula menyelesaikan pertikaian mereka melalui kaedah penyelesaian pertikaian alternatif. Maka masyarakat harus memahami kelebihan-kelebihan dalam menyelesaikan pertikaian melalui kaedah penyelesaian pertikaian alternatif ini. Antara kelebihan penyelesaian pertikaian secara alternatif ini adalah untuk menjimatkan masa, di mana umumnya kita mengetahui bahawa kes-kes yang dibawa ke mahkamah mengambil masa yang panjang untuk diselesaikan. Melalui penyelesaian alternatif, pihak-

pihak juga dapat mencapai satu keputusan yang memuaskan hati semua pihak tanpa ada pihak yang menang atau kalah. Pihak-pihak boleh memutuskan sendiri cara penyelesaian pertikaian tersebut berdasarkan kepada cadangan daripada "mediator" atau orang yang dilantik sebagai pendamai.

Di dalam cara penyelesaian pertikaian secara alternatif ini, segala kerahsiaan dari segi dokumen dan keterangan adalah dijaga berbanding dengan penyelesaian di dalam mahkamah. Jika perbicaraan dilakukan di mahkamah, ia adalah secara terbuka dan orang ramai boleh hadir untuk mendengar perbicaraan tersebut dan segala keterangan-keterangan mestilah dikemukakan tanpa ada kerahsiaan. Konsep kerahsiaan merupakan elemen yang paling penting di dalam penyelesaian pertikaian secara alternatif di mana pihak pendamai mengadakan sesi rundingan secara berasingan dengan pihak-pihak untuk mendapatkan maklumat sebelum pihak pendamai memberikan solusi untuk menyelesaikan pertikaian tersebut. Pihak-pihak

membuat perundingan dengan kehadiran pihak pendamai bagi mencapai persetujuan bersama tentang terma untuk menyelesaikan permasalahan tersebut. Persetujuan ini akan mengikat pihak-pihak dan ia adalah muktamad.

Banyak lagi cara alternatif untuk menyelesaikan pertikaian sama ada di dalam mahkamah sivil dan mahkamah syariah. Masyarakat perlu didekah dengan metode-metode penyelesaian pertikaian secara alternatif untuk memudahkan mereka menyelesaikan pertikaian yang dihadapi tanpa perlu ke mahkamah.

تأیف



Otak

Disediakan oleh :

Sa'adiah binti Abdullah Ba'awi

Pensyarah Fakulti Pengajian Bahasa dan Asasi, KUIPSAS

Otak merupakan satu kurniaan yang sangat hebat. Segala tindakan manusia ditunjangi oleh otak. Beratnya sekadar 1.3 kilogram. Ianya sangat ringan. Bentuknya seperti tofu dan sangat sensitif. Bila berlaku sedikit kerosakan pada otak, ia akan mengubah struktur, tindakan dan personaliti seseorang.

Manusia mempunyai 86 bilion sel otak dan setiap hari akan kehilangan sebanyak 86 ribu sel. Kekuatan otak manusia sangat luar biasa. Otak yang sihat boleh menjana kalori sebanyak 30%, sebanyak 20% tenaga dari tubuh dan kehebatan otak boleh memberi aliran elektrik untuk menyalakan lampu.

Adakah anda sering terlupa meletakkan barang atau sukar mengingat? Ini menandakan anda mempunyai isu berkaitan otak. Jika anda pernah mengalami kecederaan pada bahagian kepala, besar kemungkinan struktur otak anda telah berubah seterusnya mempengaruhi pemikiran, tindakan dan perasaan anda. Ia juga akan menyebabkan prestasi otak anda akan merosot.

Terdapat lima bahagian utama otak iaitu *Frontal Lobe*, *Temporal Lobe*, *Parietal Lobe*, *Occipital Lobe* dan *Cerebelum*. Kelima-lima bahagian ini mempunyai tugas masing-masing dalam menggerakkan seorang manusia. Berikut adalah fungsi-fungsi otak.




Frontal Lobe

Frontal Lobe terletak di bahagian hadapan kepala. Bahagian ini mengumpul maklumat menerusi apa yang kita lihat, bunyi yang kita dengar dan perasaan yang kita alami. Terdapat dua bahagian penting dalam *Frontal Lobe* iaitu *Motor Cortex* dan *Prefrontal Cortex*. Anda akan mengalami kesukaran berjalan, bercakap, menulis dengan lancar jika bahagian ini terganggu.

Prefrontal Cortex pula merupakan struktur paling penting. Bahagian inilah di mana seseorang manusia berfikir, memproses maklumat dan membuat pertimbangan baik atau buruk. Bahagian ini juga digunakan

untuk merancang masa depan. Jika perancangan kita tersangkut-sangkut, bahagian inilah perlu diberi perhatian. Kegagalan untuk belajar dari pengalaman masa lalu juga menunjukkan ada masalah dalam bahagian *Prefrontal Cortex*. Pertimbangan yang buruk yang sentiasa dilakukan secara berulang kali menandakan ketagihan seseorang kepada perlakuan dan tindakan berdasarkan perasaan yang dialaminya. Perasaan empati juga berpusat di sini. Jika tidak dirawat, anda akan terperangkap dalam kisah silam dan sukar untuk menyerlahkan potensi diri dalam erti kata lain sukar untuk move on.



Temporal Lobe

Bahagian ini adalah bahagian untuk mengenalpasti objek yang kita lihat. Mata akan memasukkan maklumat mengenai objek yang dilihat untuk diproses di bahagian ini. *Temporal Lobe* menyimpan maklumat sementara sebelum disimpan ke bahagian memori jangka panjang iaitu *Hippocampus*. Segala maklumat yang diperolehi setiap hari akan hilang jika tidak disimpan di *Hippocampus*. *Hippocampus* terletak di belakang *Temporal Lobe* dan rupanya seakan kuda laut. Pusat memori akan terjejas jika pengambilan makanan yang mengandungi racun misalnya dengan pengambilan gula putih, pewarna dan perasa tiruan. Namun sel-sel ini boleh ditambah hingga lebih dari 700 menerusi cara hidup sihat. Proses pembelajaran akan terganggu apabila kualiti tidur terjejas. Ini kerana ketika tidur, otak akan menyusun dan membersihkan maklumat yang diperolehi pada waktu siang. Pelajar yang ketagih bermain





permainan video akan selalu berjaga sehingga pagi dan tidak dapat memberi tumpuan di dalam kuliah kerana sering bangun lewat. Cahaya daripada gajet memberi tindak balas bahawa hari masih siang. Ini menyebabkan pelajar tidak dapat melelapkan mata dan meningkatkan kadar *hormon kortisol*. *Hormon kortisol* yang tinggi akan menyebabkan stres. Tidur yang tidak cukup serta stress yang tidak terkawal menyebabkan kulit mudah berkedut. Pastikan tidur yang cukup untuk awet muda!



Parietal Lobe

GPS semulajadi sudah ada di dalam otak manusia. Ia menunjukkan cara untuk sampai ke destinasi dan bahagian ini dikenali sebagai *Parietal Lobe*. Bahagian ini bertindak menentukan arah sama ada kanan atau kiri. Pesakit nyanyuk atau *alzheimer* akan bermasalah pada bahagian ini. Mereka akan mudah sesat dan kehilangan arah. Menurut kajian, golongan wanita empat kali ganda menderita pesakit ini.



Occipital Lobe dan Cerebellum

Manusia melihat menggunakan otak. Mata menghantar maklumat ke otak untuk diproses di bahagian *Occipital Lobe* yang mengendalikan penglihatan. *Cerebellum* pula bertindak sebagai koordinator. Pergerakan perlahan, pertuturan tersekut-sekat, terhuyung-hayang semasa berdiri malah kesukaran menuap makanan menandakan cerebellum bermasalah dan perlu dirawat.



Anterior Cingulate Gyrus

Jika bahagian ini terlalu aktif, mereka akan tersangkut pada pemikiran tertentu yang sukar diubah. Mereka akan berfikir dan bertindak berulang-ulang kali seperti yang dialami oleh pesakit *Obsessive Compulsive Disorder (OCD)*. Seseorang itu mudah berasa risau dan melakukan perkara berulang-ulang seperti membasuh tangan sehingga habis sebuku sabun atau mengemop lantai berkali-kali.



Basal Ganglia

Apabila bahagian ini terlalu aktif, manusia akan mengalami sindrom gelabah, panik dan cemas. Tindakan akan tersekat dan selalu berfikir atau meramal sesuatu yang negatif. Segala tindakan dilakukan dalam ketakutan dan sentiasa rasa sesuatu tidak kena serta menjangka sesuatu yang buruk akan berlaku dalam hidupnya.



Deep Limbic System

Deep Limbic System merupakan pusat emosi yang terletak di belakang telinga. Gabungan bahagian *Anterior Cingulate Gyrus* yang aktif akan menghasilkan fikiran negatif dan emosi yang turun naik. Selera makan yang tidak menentu dan masalah tidur berpunca dari bahagian ini. Tiga hormon yang memberi pengaruh besar pada bahagian *Deep Limbic System* ialah *hormon serotonin*, *hormon dopamine* dan *hormon adrenalin*. Apabila bahagian ini terlalu aktif, ia boleh mengakibatkan seseorang itu mengalami penurunan motivasi, kesukaran untuk bangun pagi dan kemurungan.

تألیف

10 TIPS TINGKATKAN KAPASITI OTAK


1. Oksigen mencukupi dan bernafas dalam keadaan sedar
2. Ubah kebiasaan
3. Mempelbagaikan bidang ilmu
4. Minum air kosong
5. Hindari makanan karbohidrat ringkas
6. Hadkan penggunaan gajet
7. Sembur wangi berbeza setiap hari
8. Tangani stres
9. Pengambilan makanan yang mengandungi flavonoids
10. Berkebun

Ghostwriter

Disediakan oleh :

Sa'adiah binti Abdullah Ba'awi

Pensyarah Fakulti Pengajian Bahasa dan Asasi, KUIPSAS



Ghostwriter atau dikenali sebagai penulis upahan adalah penulis yang mengambil upah menulis sebarang bentuk penulisan artikel, buku, teks ucapan, proposal dan lain-lain dengan bayaran tertentu dan mengikut masa serta syarat yang ditetapkan. Namun nama penulis tidak tercatat pada hasil kerja yang kita lakukan. Dunia Penulis Upahan di Malaysia sangat luas. Bidang ini masih baru dan banyak peluang boleh diterokai. Kriteria utama menjadi seorang ghostwriter perlulah mempunyai minat menulis dan suka bekerja mengikut 'dateline'.

Prospek **ghostwriter** boleh terdiri dari sesiapa sahaja sama ada menteri, ahli perniagaan, guru, tokoh politik hatta orang biasa tetapi mereka memerlukan khidmat seorang penulis untuk menterjemahkan idea dan menyebarkan ilmu. Selain itu, **ghostwriter** akan menulis dengan ejaan penuh, teratur dan berkongsi info setiap hari. Ini antara latihan menajamkan kemahiran menulis di samping memperkenalkan perkhidmatan pada orang ramai. Sebagai seorang usahawan, **ghostwriter** perlu berinisiatif tinggi dalam memasarkan perkhidmatannya misalnya menerusi **facebook** di mana merupakan medium yang paling mudah untuk mencipta **personal branding**.

Ghostwriter diberi upah untuk menulis mengenai diri atau kehidupan prospek. Prospek akan membekalkan segala maklumat yang diperlukan oleh **ghostwriter**. **Ghostwriter** perlu merancang penulisan untuk menyiapkan buku dalam tempoh tertentu sama ada dalam tempoh 15 hari, 30 hari, 60 hari dan 90 hari. Antaranya, memperuntukkan dua jam sehari untuk menulis sebuah buku selama sebulan dengan sasaran dua hingga lapan muka surat sehari.

Berikut disenaraikan 10 jenis kerja yang akan dilakukan oleh seorang **ghostwriter**.

- 1 Menulis artikel, **ebook**, rencana, status FB, kenyataan akhbar, teks ucapan bagi pihak pelanggan.
- 2 Menukar audio kepada teks



- 3 Mengambil idea daripada 10 buah buku untuk dijadikan sebuah buku
- 4 Menterjemah buku
- 5 100% kajian daripada penulis dan menulis bagi pihak pelanggan
- 6 Menulis buku biografi tokoh pelbagai bidang
- 7 Menulis buku-buku agensi kerajaan
- 8 Menulis SOP syarikat
- 9 Menyediakan proposal atau profil syarikat
- 10 Menyediakan pelbagai surat mengikut kehendak pelanggan

Proses kerja sebagai seorang penulis upahan memerlukan komitmen dan disiplin yang tinggi. Sebelum menulis sebuah buku, carilah pengalaman dengan perkhidmatan menulis bagi projek kecil-kecilan. Antaranya, mensasarkan pemilik-pemilik **website** perniagaan yang perlu mengaktifkan website mereka bagi meningkatkan jumlah pembaca untuk melayari **website** mereka. Di samping itu, pemilik produk atau perkhidmatan baharu juga memerlukan **ghostwriter** membuat **storytelling**

untuk dimuatkan ke dalam **website** mereka. Kebanyakan mereka tiada penulis tetap dan memerlukan artikel-artikel untuk menarik pelanggan mereka.

Pada peringkat awal, **ghostwriter** akan menyediakan **proposal** sebuah buku mengikut keperluan pelanggan. **Proposal** buku boleh digunakan untuk tujuan menulis buku sendiri atau buku pelanggan. Apabila persetujuan bayaran upah telah dicapai, **ghostwriter** akan memulakan tugas dengan mendapatkan maklumat dari pelanggan di samping membuat kajian dan pembacaan bagi memulakan sesbuah penulisan. **Ghostwriter** juga akan meneliti contoh-contoh pengucapan pelanggan untuk dijadikan rujukan. Ini bagi memastikan ia selari dengan imej dan karakter pelanggan. Manuskrip yang telah siap akan diserahkan kepada pelanggan pada masa yang ditetapkan. Pelanggan bebas menggunakan manuskrip tersebut untuk diolah oleh **ghostwriter** lain jika penulisan tersebut tidak menepati kehendak mereka.

Jika anda ingin menjadikan penulisan sebagai kerjaya, anda boleh kembangkan bakat anda dengan menawarkan khidmat kepada prospek yang berpotensi. Kenal pasti minat, bidang kemahiran dan kategori buku yang biasa dibaca. Ini boleh membantu anda untuk menulis artikel mudah dan santai seperti artikel tip dan panduan, khasiat dan kelebihan, fakta dan info menarik dan banyak lagi. Teruskan menulis!

FAKTA YANG PERLU ANDA TAHU:

Standard Caj Kerja-kerja Penulis Upahan

- + Menulis artikel (RM200 - RM300)
- + Menukar audio kepada teks (RM500 - RM1000)
- + Buku Konsep Mudah ditulis dalam 15 hari (RM2000)
- + Buku Konsep Sederhana ditulis dalam 30 hari (RM5000)
- + Buku Konsep Berat ditulis dalam 60 hari (RM10 ribu - RM15 ribu)
- + Buku Konsep Tokoh ditulis dalam 90 hari (RM18 ribu - RM20 ribu)
- + Buku Kajian dan Penyelidikan (RM20 ribu - RM30 ribu)
- + Buku Agensi (RM100 ribu - RM150 ribu)
- + Laporan Syarikat (RM14 ribu)
- + Buku Biografi (RM20- RM30 ribu)
- + Menyediakan modul pembelajaran - initial dan royalti - (RM 1,000)
- + SOP Syarikat (RM20 ribu)
- + Menulis skrip drama (RM5 - RM20 ribu)

(Sumber daripada syarikat penerbitan dan Ghostwriter)

Kenali 4 Jenis Televisyen

Disediakan oleh :

Wan Hashridz Rizal bin Wan Abu Bakar

Pensyarah Fakulti Pengajian Islam, KUIPSAS

Tahukah anda pada tanggal 26 Januari 1926 seorang pereka cipta kelahiran Scotland iaitu John Logie Baird telah berjaya melakukan demonstrasi penggunaan televisyen mekanikal di London. Televisyen mekanikal ini menggunakan cakera berputar dengan lubang yang disusun dalam satu corak lingkaran, di mana imej yang melalui proses imbasan akan terpancar di skrin. Selain teknologi televisyen mekanikal pada masa yang sama juga usaha menghasilkan televisyen elektronik turut giat dijalankan.

Philo Taylor Farnsworth pula merupakan tokoh yang bertanggungjawap mencipta televisyen elektronik yang pertama. Farnsworth telah berjaya mencipta televisyen ketika berusia 21 tahun dan menariknya beliau tinggal di rumah yang tidak mempunyai sumber elektrik sehingga menginjak usia 14 tahun.

Televisyen elektronik bergantung pada teknologi yang dipanggil Cathode Ray Tube (CRT) yang mempunyai dua atau lebih anod. Anod adalah terminal positif dan katod adalah terminal negatif.

CRT TV

Masihkah anda ingat pada TV yang yang berkotak besar, skrin melengkung dan sangat berat untuk diangkat. Cathode Ray Tube Television atau CRT TV merupakan jenis televisyen terawal yang dicipta di dunia. Sekarang televisyen jenis ini ibarat artifak di dalam muzium selepas kemunculan pelbagai jenis TV yang berteknologi tinggi.



Liquid Crystal Display TV

Pada tahun 2007 jualan Liquid Crystal Display TV atau LCD TV telah mengatasi jualan CRT TV. Pengguna memilih untuk membeli LCD TV bukan hanya kerana saiz yang nipis dan berat yang lebih ringan tetapi kerana penggunaan LCD TV juga mampu menjimatkan elektrik berbanding CRT TV. Walaupun begitu terdapat satu kekurangan LCD TV di mana imej yang terpancar di skrin tv kurang jelas apabila berada di dalam bilik yang terang.

Smart TV

Penerimaan Smart TV bermula pada awal tahun 2010 apabila ramai pengguna sudah mula sedar tentang kewujudan dan fungsinya. Smart TV adalah merupakan satu contoh media convergence yang mengabungkan televisyen, computer dan set top boxes (stb). Televisyen jenis ini boleh dihubungkan terus





5 Tips Menjadi Pengacara Televisyen

Disediakan oleh :

Wan Hashridz Rizal bin Wan Abu Bakar

Pensyarah Fakulti Pengajian Islam, KUIPSAS

Tahukah anda ramai pelajar Diploma Pengajian Media Islam di Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KUIPSAS) bercita-cita menjadi seorang pengacara televisyen apabila mereka ditanya mengapa memilih bidang media sebagai pilihan untuk melanjutkan pelajaran di peringkat pengajian tinggi? Bagaimanapun harus diingat tidak mudah untuk menjadi seorang pengacara televisyen kerana bukan hanya bersandarkan kepada paras rupa dan sekadar berborak kosong di depan kamera sahaja.

Di sini saya akan berkongsi sedikit tips berdasarkan secebis pengalaman bekerja di dalam bidang pengacaraan serta nasihat yang pernah diberikan oleh pengulas sukan tersohor negara, Allahyarham Datuk Hasbullah Awang.

Usaha

Saya tidak berbakat tetapi bolehkah saya menjadi seorang pengacara televisyen? Pernah satu ketika saya mengajukan soalan ini kepada salah seorang penerbit di Radio Televisyen Malaysia (RTM). Ini bukanlah masalah yang besar sebenarnya. Menurutnya jika anda tidak mempunyai bakat, apa yang perlu anda lakukan ialah berusaha sehingga mampu untuk menjadi seperti yang anda inginkan.

dengan talian internet tanpa perlu disambungkan terlebih dahulu dengan Android TV box. Smart TV mempunyai pelbagai aplikasi di dalamnya yang mana pengguna boleh memilih untuk melayari internet, menonton tv internet, bermain permainan atas talian dan pelbagai lagi aplikasi yang boleh dimuat turun.

TV 3D

Pelik tapi benar, panggung wayang 3D sentiasa mendapat sambutan hangat penonton tetapi tidak bagi TV 3D. Televisyen jenis ini telah diberhentikan pengeluarannya beberapa tahun lalu kerana tidak mendapat permintaan tinggi daripada pembeli. Para pengguna pula sering mengadu mengalami masalah kesihatan seperti pening kepala dan sakit mata apabila menonton TV 3D. Teknologi ini mula berkembang pesat pada tahun 2010, sehingga pada tahun 2011 perlawanan akhir Liga Juara Juara Eropah antara Manchester United dan Barcelona disiarkan dalam format 3D. Namun segalanya serba tidak menjadi buat TV 3D kerana satu persatu pengeluar TV seperti Samsung dan Philips memberhentikan operasi pengeluaran TV 3D mereka.

Kini TV 3D hanya tinggal dalam lipatan sejarah sama seperti CRT TV.

تاليف

Lakukan senaman mulut, belajar menyebut perkataan dengan betul, beranikan diri di depan kamera serta berlatih bercakap seorang diri.

Pandai Bergaul

Walaupun seorang pengacara bekerja di depan kamera tetapi kadang kala studio akan dihadiri penonton yang datang dari pelbagai lapisan masyarakat dan peringkat umur.

Oleh yang demikian, seorang pengacara perlulah pandai bergaul dengan mereka untuk memeriahkan lagi program yang dikendalikan.

Jika seorang pengacara tidak pandai bergaul, ianya akan memberi kesan kepada rancangan televisyen yang disiarkan kerana pengacara tidak mampu mengawal keadaan di dalam studio dan gagal bertanya soalan dengan baik.

Mencari Fakta

Perkara ini sering ditekankan oleh Allahyarham Datuk Hasbullah Awang khususnya dalam penyiaran sukan. Seorang pengacara perlu rajin mencari fakta untuk menjadikan program yang dikendalikan kelihatan padat dengan informasi dan mampu mendidik masyarakat.

Saya masih ingat lagi sebelum program bersiaran secara langsung ke udara, beliau begitu gigih mencari maklumat untuk menyajikan pelbagai fakta kepada penonton.

Kemahiran Mendengar

Earpiece atau alat dengar telinga adalah alat yang penting dalam penerbitan rancangan televisyen. Alat ini digunakan oleh pengacara di dalam studio untuk mendengar segala arahan daripada penerbit yang berada

di dalam Studio Control Room ataupun bilik kawalan studio. Seorang pengacara perlu ada kemahiran mendengar yang baik. Ini kerana sewaktu mereka berinteraksi dengan rakan pengacara atau audiens, mereka juga perlu bersedia mendengar arahan penerbit pada masa yang sama. Antara arahan dari penerbit adalah 30 seconds to Commercial, di mana pengacara ada 30 saat untuk bercakap sebelum ke siaran iklan.

Membaca

Ketika kami berehat seketika sambil menunggu masa untuk siaran langsung rangkuman Le Tour De Langkawi 2011, tiga kali Allahyarham Datuk Hasbullah Awang menekankan pentingnya seorang pengacara atau pengulas sukan untuk banyak membaca.

“Baca kamus, tengok perkataan sinonim,

katanya. Ianya bertujuan untuk memperbanyakkan perbendaharaan kata apabila bersiaran di televisyen. Selain itu juga kita mampu mengetahui perkataan baru yang boleh digunakan dalam program yang dikendalikan.

Walaubagaimanapun, segalanya berbalik kepada rezeki.

Sekiranya kita sudah berusaha bersungguh-sungguh untuk menjadi seorang pengacara televisyen tetapi masih tidak berkesempatan untuk mencapai cita cita tersebut. Harus diingat segala perancangan sudah ditentukan oleh Allah S.W.T, kita hanya mampu berdoa dan sesungguhnya kita tidak tahu apa akan terjadi pada masa hadapan kerana ia adalah rahsia Yang Maha Mengetahui.

Ta'lif




Tips Menjadi Influencer Di Media Sosial

Disediakan oleh :

Nur Aulia Fahada binti Misaridin

Pensyarah Fakulti Pengajian Pengurusan,
KUIPSAS



Instafamous. Social Media

Influencer. Jika 20 tahun yang lepas, dua perkataan ini mungkin adalah perkataan yang sangat asing bagi kita. Namun, pada hari ini, perkataan ini sering meniti bibir setiap pengguna. Pengguna pada hari ini banyak meluangkan masa samada membaca cerita atau artikel di **Facebook**, melihat foto artis kegemaran atau idola mereka di **Instagram**, melihat video daripada **vlogger** yang diminati di **Youtube** dan pelbagai platform media sosial yang lain.

Artis seperti Mira Filzah, Hanis Zalikha, Neelofa dan individu terkenal seperti Syahmi Syazli, Faizdickie dan Khairulaming adalah contoh **influencer** yang mempunyai ramai pengikut di media sosial mereka. **Influencer** seperti mereka ini mampu mempengaruhi pengguna di dalam pembelian produk dan perkhidmatan. Contohnya seperti Mira Filzah. Selepas lakonannya di dalam drama **Sweet Dreams**, gaya tudungnya menjadi ikutan ramai remaja pada hari ini. Melihat kepada pengaruh influencer yang kuat ini, para pemasar mula menggunakan kaedah pemasaran yang dikenali sebagai influencer marketing atau pemasaran berpengaruh. Sesiapa sahaja boleh menjadi **influencer** pada hari ini dengan mengetahui cara dan tips untuk menjadi **influencer**. Anda juga boleh menjana pendapatan dengan menjadi social media influencer dalam pelbagai cara.

Pastikan anda mempunyai ciri-ciri seorang influencer

Menjadi seorang **influencer** atau orang yang berpengaruh bukanlah mudah. Anda perlu mengetahui cara-cara yang betul

dan berkesan serta konsisten dengan apa yang anda usahakan. Anda juga perlu mempunyai karakter seorang **influencer**. Kajian mendapat satu ciri yang mesti dimiliki oleh seorang **influencer** adalah berkeyakinan diri. Individu yang mempunyai keyakinan diri yang tinggi bukan sahaja kelihatan berkarisma malahan mampu mempengaruhi orang lain.

Selain itu, seseorang individu itu perlulah mempunyai keaslian. Maksud keaslian di sini adalah individu yang mempunyai ketulenan diri dan dapat menunjukkan kaitan dengan pengikut. Berapa ramai individu yang bukan artis berjaya menjadi **influencer** terkenal? Ini disebabkan keaslian **influencer** tersebut yang menjadi diri mereka sendiri serta pengikut merasakan ada persamaan mereka dengan **influencer** yang menyebabkan mereka mengikuti influencer berkenaan. **Influencer** juga perlulah seorang yang interaktif yang mana mereka bekerja bersama pengikut untuk mendapatkan maklumbalas tertentu terhadap sesuatu isu. Mereka boleh bertukar pendapat di ruang komen di saluran media sosial masing-masing. Jadi, untuk menjadi seorang **influencer**, pastikan anda mempunyai ketiga-tiga ciri ini.

Pilih Niche Atau Bidang Anda

Perkara seterusnya untuk menjadi **influencer** adalah memilih **niche** atau bidang yang bersesuaian dengan personaliti anda. Bidang yang dipilih mestilah sesuatu yang anda minati dan mempunyai pengetahuan yang mendalam tentangnya. Sebagai contoh, anda meminati bidang masakan. Jadi,


anda boleh berkongsi resipi, tips memasak dengan pantas, menu sihat dan sebagainya.

Di **Instagram**, kita ada @ khairulaming yang merupakan **influencer** yang sering berkongsi tentang resipi menyediakan makanan dengan mudah. Beliau mempunyai seramai 2 juta pengikut di **Instagram** dan setiap video di akaunnya menerima hampir sejuta tontonan. Di **Youtube**, **vlogger** yang dikenali sebagai Aisha Liyana pula memilih bidang kecantikan di mana beliau memuat naik video-video berkaitan mekap, penjagaan kulit dan tutorial memakai shawl. Jadi, langkah pertama yang perlu anda lakukan adalah memilih **niche** yang anda minati dan kepakaran anda dalam **niche** tersebut.

Tentukan Saluran Media Sosial Yang Sesuai

Terdapat pelbagai saluran media sosial di Internet yang boleh anda gunakan untuk menjadi **influencer**. Anda boleh menggunakan dua atau tiga saluran untuk mendapatkan lebih ramai pengikut. Namun, anda perlu menentukan saluran mana yang sesuai dengan anda.

Anda perlu menentukan jenis kandungan yang ingin anda kongsikan dan mampu anda hasilkan samada dalam bentuk tulisan, gambar atau video. Bagi mereka yang mampu menghasilkan gambar yang cantik dan video ringkas yang menarik, anda boleh memilih **Instagram** di mana fokusnya adalah kepada gambar. Mereka yang meminati bidang fesyen, ramai yang memilih untuk mengikuti **influencer** di Instagram. Contoh **instafamous** di Malaysia adalah seperti Neelofa atau Vivy



Yusof. Mereka berdua merupakan antara ikon fesyen yang terkenal di Malaysia yang mana gaya pakaian mereka sering diikuti oleh pengikut mereka.


Mereka yang lebih suka menghasilkan kandungan berbentuk tulisan boleh memilih **Facebook** sebagai saluran media sosial mereka. Di **Facebook**, terdapat pelbagai jenis **influencer** daripada pelbagai bidang. Salah seorang **influencer** ialah Puan Mary iaitu seorang guru imej, perunding imej profesional yang terlatih dan bertauliah. Beliau sering berkongsi pelbagai kandungan yang berkaitan dengan imej seperti tips menjaga kulit, tips pemakaian formal, tips pemilihan beg yang bersesuaian dan pelbagai lagi. Selain itu, terdapat seorang guru bisnes iaitu June Mohd Som yang berkongsi ilmu tentang pemasaran yang mempunyai seramai 108,233 pengikut di **Facebook page** beliau. Bagi mereka yang mempunyai kepakaran menghasilkan video kemahiran berkomunikasi yang baik, boleh menggunakan saluran **Youtube** untuk menjadi **influencer**. Contoh **influencer Youtube** atau Youtuber yang terkenal di Malaysia adalah Matluthfi dan Syahmi Syazli. Matluthfi menghasilkan video yang menyentuh isu-isu berkaitan remaja manakala Syahmi Syazli terkenal dengan video Drama Spontannya yang menggunakan remaja autism sebagai pelakon. Oleh itu, pilihlah saluran yang tepat untuk anda menjadi **influencer** dan mengumpul pengikut anda tersendiri.

Besarkan Jumlah Pengikut Anda dan Bina Jenama Anda

Setelah memilih saluran media sosial yang tepat, anda perlu membuka akaun anda di saluran tersebut. Kemudian, bina content yang akan menarik orang ramai untuk menjadi follower anda. Selain daripada itu, bagi meningkatkan jumlah **follower**, anda perlulah aktif berinteraksi dengan mereka. Anda boleh mengaktifkan diri membalias komen-komen mereka di ruang komen dan mungkin juga mengikuti semula akaun mereka. Anda perlu pastikan anda konsisten dengan waktu anda mengirim kandungan ke saluran anda dan juga jenis kandungan yang dikirim. Anda juga boleh memberi ruang kepada pengikut anda untuk mendekatkan diri dengan anda melalui kandungan di belakang tabir (**behind the scene**) di saluran anda. Dengan bergiat secara aktif di saluran anda, anda sebenarnya membina jenama anda. Terdapat pelbagai cara untuk mengukuhkan jenama dan salah satunya ialah berkolaborasi dengan jenama lain yang sudah kukuh di dalam pasaran.

Sekiranya anda ingin menjadi **influencer** di media sosial, anda boleh mula mengaplikasikan tips yang telah dikongsikan. Jika anda benar-benar serius untuk menjadikan platform media sosial sebagai penjanaan pendapatan, maka lebih banyak langkah yang perlu anda pelajari dan lakukan. Ramai **influencer** yang mulakan kerjaya mereka di media sosial kerana minat dan hobi. Jadi, pilih minat yang boleh menjadikan anda **influencer** seterusnya!

تأفيف



4 Common Content Marketing Formats Used By Businesses

Prepared by :

Nur Aulia Fahada binti Misaridin

Lecturer Faculty of Management Studies, KUIPSAS


Have you ever crossed videos that provide you with new information that you shared it later on with your friends in your Youtube account such as tips to take care of your skin, tips to organize your house and so on? Or have you ever shared infographics that contain valuable and new knowledge with your friends in your Facebook account? Or did any of your favourite bloggers share new information related to your interest such as beauty, health or marketing? In this digital era, more companies and businesses choose to use content marketing in order to increase brand awareness among customers and attract new customers. Content marketing is defined as a strategic marketing approach focused on creating and distributing valuable, relevant, and consistent content to attract and retain a clearly-defined audience — and, ultimately, to drive profitable customer action.

Thus, businesses need to plan and strategize content that they want to make so that they can have successful viral marketing campaigns. Viral contents can motivate consumers to share a particular piece of content with their family and friends that used to be called as word-of-mouth marketing. There are many types of content marketing formats that have been used by businesses. Below are the five most common content marketing formats that have been used by most businesses.

Infographics



Usually, we receive written information in word formats such as in magazines or newspapers. However, things start to change as people prefer to read data in visual manner; and that has creates infographics. Infographics are a visual presentation of knowledge or data designed to present all information in shares and attractive way. It can organize data in a visual manner; thus providing a more compelling and engaging opportunity to transmit information. It can explain complicated processes in visual and make it easier to understand. There are different types of infographics such statistical, graph, histogram, data map, sequence map and so on. There are three parts in infographic which are the visual, the content and some insights into data they present. It is suitable for learning and informing and to create brand awareness.

INFOGRAPHICS



Videos

Besides infographics, the most common content used by businesses is video that has the highest level of engagement and contagion on social media and other websites. It can attract people who prefer to watch multimedia materials than reading written content. For example, people who want to learn how to cook prefer watching tutorial videos on how to cook instead of reading about it. Videos are mostly used to explain certain issues, demonstrate a product or service or present a topic of interest to targeted audiences. For example, one YouTube Channel named Video Creators usually make videos on how to create content for content marketing. Therefore, people who usually do content will watch their videos in order to learn how to do it and might share it with others.




E-books

Nowadays people prefer to read e-book or electronic book because it can be downloaded to their phones or PCs so that they do not have to bring heavy books everywhere. E-books can be composed or converted to digital format. Typically it contains text, but some do have images, audio and videos, or animations. E-books vary widely in level of design, length and subject matter. It can be download for fee or for free. Normally it will be made in colorful design and contain educational and informational material.

Blogs

Previously, blogs are mostly known as digital diaries where people share their activities, hobbies, interest and so on. However, more companies are having their own blog in order to share educational thought leadership, industry insight, upcoming events or announcement and also new content. A blog is a website with entries provided in chronological order that the writer can organize it in many creative ways. In order to create bonding with customers and potential customers, more companies use blogs to share content on things that most consumers concern about.



Basically, there are more content marketing formats used by businesses in order to create brand awareness and maintain their brand sustainability. For businesses that intend to use content marketing, they need to choose content marketing format wisely. It can be based on 5W questions.

- Who are the targets for the content that will be making? Is it for existing customers or potential customers?
- What is the purpose of making the contents? Is it to create brand awareness or to for brand engagement?
- Where will the content be used? In which channel, the content will be shared? Facebook, YouTube, blogs and so on?
- When will the content be produced? When will the content be uploaded and shared?
- Which content format is suitable for each target? Will video suitable for adults or teenagers?

When businesses can answer those questions, it will show that the businesses are aware of their objectives of making content marketing and have a thorough plan about it. Therefore, pick the correct and effective content marketing format for your business. **تألیف**

Telinga Bionik

Disediakan oleh :

Nurul Habibah binti Abdul Rahman

Pensyarah Fakulti Pengajian Pengurusan, KUIPSAS

Ramai orang di dunia ditakdirkan mempunyai keterbatasan nikmat pancaindera antaranya masalah pendengaran. Tanpa mengira batasan usia, gangguan pendengaran ini juga dialami oleh golongan anak kecil malah di peringkat bayi lagi. Menurut statistik Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO) 3 daripada 1000 orang bayi dilahirkan mempunyai masalah pendengaran. Selain faktor kongenital, antara faktor yang boleh menyumbang kepada masalah pendengaran dalam kalangan kanak-kanak adalah kerana kecederaan di bahagian kepala, jangkitan telinga tengah, meningitis (radang selaput otak) dan sebagainya.


Bagi kanak-kanak, masalah pendengaran ini akan memberi beberapa impak yang melibatkan proses pembelajaran mereka. Antara tiga kesan utama masalah pendengaran dalam kalangan kanak-kanak ialah:

- Kelewatan perkembangan bahasa/pertuturan
- Menghadapi masalah pembelajaran
- Kesukaran untuk bergaul/bersosial dengan rakan sebaya.

Bagi individu yang mempunyai tahap masalah pendengaran yang berat, alat bantuan pendengaran (**hearing aid**) tidak dapat membantu mereka mendengar dengan baik malah tidak langsung dapat bantu mereka mendengar. Kini, dengan teknologi implan koklea (CI) dapat memberi harapan baru kepada individu yang mempunyai masalah pendengaran agar dapat mendengar dengan lebih baik dan menghampiri pendengaran secara normal.

Apakah Implan Koklea atau Cochlear Implant (CI)?

Implan Koklea turut dikenali sebagai "Telinga Bionik" ialah sebuah alat yang berteknologi tinggi bagi membantu individu yang tidak dapat mendengar agar dapat mengenal dan mendengar bunyi seterusnya menghasilkan percakapan. Tidak seperti alat bantuan pendengaran yang hanya memperkuatkan bunyi, implan koklea menumpukan kepada kaedah pendengaran yang sangat efektif menghampiri pendengaran yang normal.



Dua komponen utama bagi sistem implan koklea adalah:

- **Implan:**
Sebagai komponen dalaman yang dipasang di bawah kulit belakang telinga melalui pembedahan



Dalaman : Implan dan baris elektrod

- **Pemproses bunyi (sound processor) :**
Komponen luar yang mempunyai mikrofon yang menerima bunyi dan pemancar bermagnet yang menghantar bunyi kepada implan untuk proses selanjutnya.



Luaran: Pemproses bunyi (sound processor)



Bagaimanakah Implan Koklea Berfungsi?

1

Bunyi dikumpulkan melalui mikrofon pada pemproses bunyi (**sound processor**). Kedudukan mikrofon berbeza mengikut jenama implan koklea.

2

Pemproses bunyi menukar bunyi ke informasi digital dan dihantar kepada pemancar bermagnet.

3

Pemancar bermagnet menghantar informasi digital ke implan yang dipasang di bahagian dalam.

4

Implan menerima dan baris elektrod menghantar signal ke saraf pendengaran.

5

Saraf pendengaran menghantarnya informasi ke otak di mana akan ditafsirkan sebagai bunyi.

Apakah Beza Implan Koklea dengan Alat Bantuan Pendengaran (Hearing Aid)?

Alat bantuan pendengaran berfungsi membuat bunyi atau suara di luar menjadi lebih kuat dan nyaring. Alat ini menghantar bunyi kepada telinga dan seterusnya proses pendengaran berjalan secara normal melalui koklea yang masih dapat berfungsi dengan baik sehingga ke otak untuk ditafsirkan.

Implan koklea berbeza kerana implan tersebut mengantikan

fungsi koklea yang telah rosak untuk menghantar signal ke otak. Kerosakan koklea menyebabkan sistem pendengaran manusia terganggu dan dengan adanya implan koklea ini, sistem pendengaran individu akan kembali lengkap dan membantu individu tersebut mendengar dengan baik.

Dalam erti kata lain, ketika individu yang mempunyai masalah pendengaran didiagnosis dengan kerosakan koklea, alat bantuan pendengaran tidak mampu membantu mengembalikan pendengaran mereka.

Selain itu, dari segi kos perubatan pula, kos bagi pemasangan "telinga bionik" ini adalah lebih mahal berbanding alat bantuan pendengaran kerana pemasangannya melibatkan pembedahan dan harga peranti yang sangat tinggi. Purata harga peranti implan koklea di Malaysia ialah RM80,000 seunit dan RM160,000 bagi sepasang "Telinga Bionik".

Terima Kasih "Telinga Bionik"

Penggunaan "telinga bionik" ini sudah berkembang pesat di Malaysia sejak 2006 bagi membantu individu terutama kanak-kanak yang kurang bernasib baik menjalani kehidupan seiring dengan manusia normal yang lain. Ia juga dapat memberi manfaat kepada kanak-kanak mengembangkan pertuturan dan seterusnya membantu kanak-kanak ini bersekolah di sekolah normal.



Hari ini, pengguna implan koklea seluruh dunia tidak lagi perlu membaca gerakan bibir atau menggunakan bahasa isyarat dalam berkomunikasi kerana mereka dapat berkomunikasi secara normal dengan orang sekeliling dan membolehkan mereka bercakap melalui telefon. Malah, dengan kelebihan teknologi "telinga bionik" ini, tahap bunyi yang kuat daripada muzik atau alat lain dapat dikawal daripada mengganggu pendengaran penggunanya.

Implan koklea atau "telinga bionik" ini bukanlah mampu mengembalikan pendengaran seperti manusia normal dan ciptaan tidaklah melebihi ciptaan Tuhan yang Maha Sempurna. Kebanyakan pesakit menggambarkannya sebagai bunyi yang mekanikal. Bagaimanapun, bersama masa dan amalan yang berterusan, otak akan melakukan penyesuaian terhadap bunyi-bunyi baru tersebut dan lama kelamaan ia akan menjadi senormal yang mungkin.

تأیف



Sumber :
Google